



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

2025





KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN 2025

**REFORMASI PENGUATKUASAAN
PERBURUHAN MEREALISASIKAN
MALAYSIA MADANI**

KANDUNGAN

1

NUKILAN KETUA PENGARAH	1
-------------------------------------	----------

2

PROFIL KORPORAT	5
• Visi, Misi, Objektif & Dasar Kualiti	6
• Piagam Pelanggan	7
• Pengurusan Tertinggi	8
• Pengarah Bahagian	9
• Pengarah Negeri	10
• Bahagian dan Unit di Ibu Pejabat	11

3

SEKILAS FAKTA	25
• Pencapaian 2025	26
• Undang-undang Yang Dikuat Kuasa	27
• Piawai Perburuhan Antarabangsa	28

4

DASAR-DASAR BAHARU PERBURUHAN	29
• Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872]	30
• Instrumen Pembayaran Gaji	31

5

PENGUATKUASAAN	33
• Pemeriksaan Perburuhan	34
◦ Pemeriksaan Berkanun	34
◦ Pemeriksaan Estet	38
◦ Pemeriksaan Penginapan Pekerja	46
• Operasi Penguatkuasaan Perburuhan	48
◦ Operasi Penguatkuasaan Bersepadu	48
◦ Operasi Penguatkuasaan Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIP)	50

PENGUATKUASAAN	
• Kebenaran Ketua Pengarah, Pelesenan dan Perakuan Peningkatan Pekerja	52
◦ Kebenaran Ketua Pengarah	52
◦ Pelesenan Agensi Pekerjaan Swasta (APS)	54
◦ Dokumen Pengenalan Diri APS	57
◦ Perakuan Peningkatan Pekerja	59
◦ Kelulusan Pelan Bangunan dan Sijil Layak Menduduki	62
• Pengendalian Aduan	64
◦ Aduan Perburuhan	64
◦ Aduan Diskriminasi di Tempat Kerja	66
◦ Aduan Gangguan Seksual di Tempat Kerja	67
◦ Aduan Gaji Minimum	68
• Kertas Siasatan, Kompaun dan Pendakwaan	70
• Pengendalian Kes Buruh	72
◦ Mahkamah Buruh	74
• Pemberhentian Pekerja	75
• Pengurusan Pekerja Asing	78
◦ Kelulusan Awal Penggajian Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 [Akta 265]	78
◦ Permohonan Pertukaran Majikan Menggajikan Pekerja Asing	81
▪ Pertukaran Majikan	81
▪ Pertukaran Majikan (Khas)	82
◦ Pekerja Domestik Asing (PDA)	83
◦ Pampasan Pekerja Asing	85
PROMOSI	87
• JTKSM di Media	88
• Penerbitan	89
• Program Pendidikan Perburuhan	90
• Khidmat Nasihat Perburuhan	91
• Kunjungan Hormat	92

7	LAPORAN EKSKLUSIF	93
	• Pematuhan Perintah Gaji Minimum 2024	94
	• Buruh Paksa	96
	• Undang-Undang Perburuhan Diperkasa : “Menjaga Kebajikan Pekerja Gig”	101
	• Penganjuran <i>14th ASEAN Labour Inspection Conference</i>	104
	• Penganjuran <i>5th ASEAN Labour Inspection Committee Meeting</i>	106
	• Penggajian Kanak-Kanak	107
8	PENGURUSAN PENTADBIRAN	109
	• Pengurusan Kewangan	110
	• Pembangunan Modal Insan	111
	• Penghargaan dan Pengiktirafan	116
	• Amalan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan	120
9	PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	122
	• Portal Jabatan	124
10	PERANCANGAN STRATEGIK JABATAN	127
	• Pelan Strategik Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia 2021-2025	128
	• Pencapaian <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) JTKSM 2025	130
	• Mesyuarat Kajian Separuh Penggal JTKSM Tahun 2025	132
	• Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan JTKSM : Hala Tuju 2026	133
11	SOROTAN PERISTIWA	137
12	PEJABAT JTKSM	153
13	SIDANG REDAKSI	161



**NUKILAN
KETUA
PENGARAH**

Assalamualaikum WRT WBT & Salam Sejahtera.

**Sayang di kuala mudik ke hulu,
Singgah berehat mencari teduhan,
Tekad diperkasa azam dipadu,
JTKSM memacu arus perubahan.**



Berteraskan tema “Reformasi Penguatkuasaan Perburuhan Merealisasikan Malaysia MADANI”, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) terus menggalas tanggungjawab sebagai peneraju tadbir urus perburuhan negara yang adil, berintegriti dan berorientasikan masa hadapan. Seiring dengan perubahan landskap pekerjaan yang semakin kompleks, Jabatan kekal komited dalam melaksanakan penguatkuasaan yang progresif dan berkesan bagi memastikan kebajikan pekerja serta kepentingan majikan terus terpelihara.

Sepanjang tahun pelaporan, JTKSM telah mengendalikan **19,001 kes buruh dengan nilai perintah berjumlah RM88.24 juta**, memberi manfaat kepada hampir 19,000 orang pekerja, termasuk pekerja asing. Pencapaian ini mencerminkan dedikasi serta komitmen berterusan warga Jabatan yang bekerja tanpa jemu dalam memastikan hak pekerja terus dilindungi dan keadilan perburuhan ditegakkan secara menyeluruh.

Kecekapan penyampaian perkhidmatan Jabatan terserlah melalui kejayaan **menyelesaikan 97 peratus daripada 11,129 aduan perburuhan** yang diterima. Kejayaan ini bukan sahaja mencerminkan keberkesanan sistem pengurusan kes, malah membuktikan keupayaan Jabatan dalam mengekalkan keharmonian hubungan industri melalui pendekatan yang adil, telus dan berintegriti.

Selaras dengan agenda transformasi penguatkuasaan, Jabatan telah **melaksanakan lebih 46,000 pemeriksaan perburuhan serta 613 operasi penguatkuasaan**, termasuk operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi berkaitan. Pendekatan bersepadu ini bukan bertujuan penguatkuasaan semata-mata, sebaliknya sebagai usaha membentuk ekosistem perburuhan yang patuh undang-undang, mampan dan menyokong prinsip pekerjaan bermaruah.

Dalam aspek perkhidmatan, JTKSM telah meluluskan sebanyak **52,644 permohonan awal penggajian pekerja asing** seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 60 Akta Kerja 1955, di samping mengeluarkan pelbagai permit dan perakuan penginapan yang memberi manfaat kepada ratusan ribu pekerja. Kejayaan ini mencerminkan keupayaan Jabatan menyeimbangkan keperluan industri dan pembangunan ekonomi dengan perlindungan hak serta kebajikan tenaga kerja.


Usaha pendidikan dan peningkatan kesedaran perburuhan terus diperkukuh melalui pelaksanaan **222 program advokasi dan libat urus, melibatkan hampir 46,000 peserta** daripada pelbagai sektor. Hasil komitmen berterusan dan kerjasama strategik pelbagai pihak, kedudukan Malaysia dalam **Laporan Pemerdagangan Orang Amerika Syarikat (US TIP Report) kekal pada Tahap 2**, sekali gus mengiktiraf usaha kolektif negara dalam membanteras eksploitasi buruh dan pemerdagangan orang.

Menghadapi norma baharu masa hadapan, JTKSM akan terus memperkasa transformasi penguatkuasaan melalui pendekatan yang lebih strategik, berasaskan risiko dan disokong inovasi, tanpa mengabaikan nilai kemanusiaan dan keadilan sosial. Saya menyeru seluruh warga Jabatan agar terus memperkukuh semangat kebersamaan, meningkatkan profesionalisme dan memelihara integriti dalam setiap pelaksanaan amanah.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada seluruh warga JTKSM serta rakan strategik atas sokongan dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi. Semoga segala usaha dan pencapaian ini menjadi asas kukuh ke arah sistem perburuhan negara yang lebih inklusif, berdaya tahan dan berteraskan prinsip pekerjaan bermaruah demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

**Terbang tinggi si burung helang,
Hinggap sebentar di pohon ara,
Kerjasama erat tunjang cemerlang,
JTKSM gemilang memacu negara.**

Sekian, terima kasih.




YBrs. Encik Kamal Bin Pardi
Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong.



**PROFIL
KORPORAT**

VISI, MISI, OBJEKTIF DAN DASAR KUALITI



VISI

Peneraju utama penguatkuasaan, perundangan dan pentadbiran perburuhan negara.



MISI

Memperkasakan penguatkuasaan dan pentadbiran perburuhan bagi memastikan hak dan kepentingan pekerja dan majikan dilindungi serta terpelihara.

OBJEKTIF

- o Melindungi kepentingan dan memajukan kebajikan masyarakat industri.
- o Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi.
- o Menjadikan masyarakat industri yang berpengetahuan dalam bidang-bidang berkaitan undang-undang perburuhan untuk membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan.



DASAR KUALITI

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia komited untuk mengendalikan sebarang aduan buruh demi mewujudkan suasana kerja yang harmoni bagi menjamin kepuasan pelanggan dan ditingkatkan secara berterusan.

PIAGAM PELANGGAN

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia komited dalam memberikan perkhidmatan perburuhan secara profesional dan berintegriti serta menfokuskan kepada kriteria berikut:



Menyiasat dan memaklumkan hasil siasatan setiap aduan berkaitan isu perburuhan dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh pengaduan.



Menyelesaikan pengaduan kes buruh melalui mekanisme Mahkamah Buruh dalam tempoh 90 hari dari tarikh pemfailan.



Mengeluarkan keputusan permohonan lesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap.



Memproses permohonan lesen hiburan awam di bawah Akta Kanak - Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.



Menyelesaikan permohonan penggajian pekerja asing dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diterima.



Memberi khidmat nasihat serta menjawab pertanyaan pelanggan dengan cepat, tepat dan mesra.



Memproses Permohonan Perakuan Penginapan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

PENGURUSAN TERTINGGI

ENCIK KAMAL BIN PARDI
Ketua Pengarah
JUSA B



ENCIK T. SHANMUGAM
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan & Pembangunan)
JUSA C



PUAN BETTY BINTI HASAN
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)
JUSA C

PENGARAH BAHAGIAN



ENCIK WAN ISMAIL BIN WAN IBRAHIM

Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan
S14



KOSONG

Pengarah
Bahagian Pengurusan Pekerja Bukan Warganegara
S14



ENCIK ROSLEE SABARUDDIN BIN ABU

Pengarah
Bahagian Perundangan & Pelesenan
S14



ENCIK MOHD AZMI BIN MUHAMMUD

Pengarah
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
S14



DR. AZMAH BINTI BAKHIR

Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
M13

PENGARAH NEGERI



ENCIK ZAINI BIN YAACOB
Pegarah
Jabatan Tenaga Kerja Selangor
S14



**ENCIK AHMAD MUDI ONN
BIN NOR**
Pegarah
Jabatan Tenaga Kerja Kuala Lumpur
S14



**ENCIK CHE MOHD ROKMAN
BIN CHE AWANG**
Pegarah
Jabatan Tenaga Kerja Johor
S14



**ENCIK PEZMAN
BIN CHE HUSSIN**
Pegarah
Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang
S14



**ENCIK MOHD NIZAR
BIN ZAKARIA**
Pegarah
Jabatan Tenaga Kerja Perak
S14



**ENCIK ROSLAN
BIN BAHARI**
Pegarah
Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sembilan
S13



**PUAN HAKIMAH
BINTI IBRAHIM**
Pegarah
Jabatan Tenaga Kerja Pahang
S13



**PUAN MERIAM
BINTI MOHD NOOR**
Pegarah
Jabatan Tenaga Kerja Terengganu
S12



**ENCIK SULKIFLI
BIN SILANG**
Pegarah
Jabatan Tenaga Kerja Kelantan
S12



**PUAN NAZIYAH
BINTI SAID**
Pegarah
Jabatan Tenaga Kerja Melaka
S12



**ENCIK ZAIRULADIRA
BIN AB GHANI**
Pegarah
Jabatan Tenaga Kerja Kedah
S12



**ENCIK ISKANDAR
BIN JASSA**
Pegarah
Jabatan Tenaga Kerja Perlis
S12



**ENCIK AG. ISMAIL
BIN AG. TANGAH**
Pegarah
Jabatan Tenaga Kerja Labuan
S10

BAHAGIAN DAN UNIT DI IBU PEJABAT

BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK

Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau hala tuju dan pelan strategik Jabatan ke arah mencapai visi, misi dan objektif organisasi yang cemerlang.



UNIT DI BAWAH BAHAGIAN

01

Unit Data dan Analisis

02

Unit Dasar dan Transformasi

03

Unit Pembangunan dan Pengurusan Kualiti

04

Unit Koordinasi dan Kolaborasi Strategik

05

Unit Teknologi Maklumat

FUNGSI UTAMA BAHAGIAN

01

Merancang dan menyelaras program pendidikan perburuhan di sektor swasta bagi mempromosikan aktiviti Jabatan serta menyediakan bahan pendidikan perburuhan untuk menyebarluaskan peranan dan aktiviti Jabatan.

02

Menyelaras pengumpulan maklumat dan penyediaan input berkaitan soalan-soalan parlimen.

03

Memantau, menyelaras, memastikan kualiti dalam pengurusan dan penyediaan dokumen Jabatan serta mengurus, merancang dan menyediakan platform bagi penerbitan dan rujukan berkaitan Jabatan untuk kegunaan pegawai.

04

Merencana dan menyelaras pembangunan kualiti pegawai Jabatan menerusi Program Pensijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) di bawah standard *National Occupational Skills Standard* (NOSS).

05

Mengurus, menyelaras dan melaksanakan program yang berkaitan dengan sasaran dan halatuju Jabatan dengan merangka serta memantau pelaksanaan pelan strategik dan pelan tindakan Jabatan.

06

Merancang, mempromosi, menyelaras dan memantau pelaksanaan, proses kerja serta pencapaian bulanan bagi aktiviti yang dilaksanakan di peringkat negeri dan cawangan.

07

Menyediakan kertas-kertas cadangan, kertas kerja, kertas kabinet, kertas Jemaah Menteri, penyediaan Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) dan surat-surat pekeliling berkaitan dasar-dasar perburuhan bagi kegunaan Jabatan, KESUMA dan agensi-agensi lain.

08

Merencana dan menyelaras dasar, polisi atau standard Jabatan selari dengan perkembangan situasi semasa dan standard-standard yang telah ditetapkan.

09

Menyelaras dan menyediakan maklumbalas kepada KESUMA berhubung dasar antarabangsa serta mengurus data dan maklumat berkaitan Jabatan kepada kementerian dan agensi luar.

10

Mengurus, memantau, menyelenggara dan menambahbaik sistem, rangkaian, pusat data, aset teknologi maklumat dan komunikasi Jabatan, perolehan dan polisi teknologi maklumat dan komunikasi Jabatan.

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau aktiviti berkaitan dengan perlindungan kebajikan pekerja bagi mewujudkan suasana perburuhan yang adil dan harmoni serta menjalankan tindakan penguatkuasaan ke atas ketidakpatuhan undang-undang. Ini bagi memastikan majikan mematuhi piawaian di bawah undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan.



UNIT DI BAWAH BAHAGIAN

01

Unit Aduan

02

Unit Buruh Paksa

03

Unit Pemeriksaan Berkanun
dan Pemberhentian

04

Unit Pasukan Khas
Penguatkuasaan (PKP)

05

Unit Pemeriksaan Perumahan,
Penginapan dan Ladang

FUNGSI UTAMA BAHAGIAN

01

Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan, proses kerja serta pencapaian bulanan bagi aktiviti Pemeriksaan Berkanun dan Pemeriksaan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] yang dilaksanakan di peringkat negeri dan cawangan.

02

Memproses rayuan permohonan perakuan penginapan yang diterima daripada JTK Negeri dan menyelaras Mesyuarat Rayuan Perakuan Penginapan.

03

Menyemak dan meluluskan pelan standard bangunan bagi sektor perladangan.

04

Menyelaras operasi penguatkuasaan yang melibatkan undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan oleh JTKSM serta menyediakan laporan untuk makluman pihak-pihak berkepentingan.

05

Menyelaras siasatan aduan yang diterima oleh Ibu Pejabat serta menyediakan laporan untuk makluman pihak-pihak berkepentingan.

06

Menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan membasmi dan menbanteras buruh paksa.

07

Menyediakan input serta maklumbalas untuk mesyuarat yang dikendalikan oleh MAPO, agensi penguatkuasaan di bawah ATIPSOM, KESUMA dan lain-lain agensi.

BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN PELESENAN

Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan memantau semakan, gubalan, pengemaskinian, pengawalseliaan dan pelaksanaan undang-undang perburuhan supaya sesuai dengan keperluan dan perkembangan semasa bagi memelihara hak dan kebajikan pekerja serta majikan di negara ini.



UNIT DI BAWAH BAHAGIAN

01

Unit Permit

02

Unit Pelesenan

03

Unit Pendakwaan dan
Kompaun

04

Unit Kes Buruh

05

Unit Perkhidmatan
Perundangan

FUNGSI UTAMA BAHAGIAN

01

Pengurusan semakan, gubalan dan pengemaskinian undang-undang yang dikuatkuasakan Jabatan.

02

Pengawal seliaan khidmat nasihat perundangan berhubung undang-undang yang dikuatkuasakan Jabatan.

03

Pengurusan maklumat dan dokumentasi untuk penyediaan kertas cadangan, kertas kerja, kertas kabinet, kertas Jemaah Menteri berkaitan dasar-dasar perburuhan bagi kegunaan Jabatan, KESUMA dan agensi-agensi lain.

04

Menyelaras dan memantau perkara berkaitan fungsi quasi kehakiman, rayuan terhadap keputusan Mahkamah Buruh di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.

05

Merancang dan mengawal selia prosedur pengurusan kes buruh selaras dengan peruntukan undang-undang.

06

Mengurus, menyelaras dan memantau aktiviti pengeluaran permit serta permohonan pengecualian kepada para majikan daripada beberapa peruntukan tertentu di bawah undang-undang buruh atau peraturan-peraturan di bawahnya.

07

Memantau penyediaan kertas siasatan, penyelesaian kes kompaun dan pendakwaan JTK Negeri dan Cawangan.

08

Menyediakan surat tawaran kompaun, memproses rayuan kompaun dan menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Kompaun (MJRK) bagi Akta yang dikuatkuasakan oleh Jabatan.

09

Mengawal selia perjalanan aktiviti Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang dilesenkan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] termasuk proses penggantungan atau pembatalan lesen.

10

Memproses pelesenan APS seperti permohonan lesen baharu, pembaharuan lesen, perubahan maklumat berkaitan APS, dokumen pengenalan diri dan wang jaminan yang didepositkan oleh APS.

BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA BUKAN WARGANEGARA

Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan dan memantau pengurusan penggajian pekerja bukan warganegara yang bekerja di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.



UNIT DI BAWAH BAHAGIAN

01

Unit Kawal Selia Penggajian
Pekerja Asing

02

Unit Pekerja Domestik Asing

FUNGSI UTAMA BAHAGIAN

01

Memproses dan menimbang permohonan penggajian pekerja bukan warganegara dengan mematuhi undang-undang buruh, perjanjian bilateral dan memorandum persefahaman (MoU). Bahagian ini bertindak sebagai Urus setia Jawatankuasa Perakuan JTKSM.

02

Menganggotai Jawatankuasa Pusat Sehenti (*One Stop Center*) dan menentukan kriteria-kriteria dan syarat-syarat pengambilan pekerja bukan warganegara, permohonan penggantian dan pertukaran majikan.

03

Menganggotai Jawatankuasa-Jawatankuasa Ad-Hoc berkaitan permohonan dan penggajian pekerja bukan warganegara.

04

Menyediakan kertas pertimbangan, kertas cadangan kerja, maklum balas dan input Memorandum Jemaah Menteri dan Nota Makluman, penyediaan SOP dan surat-surat pekelling berkaitan dasar-dasar perburuhan berkaitan penggajian pekerja bukan warganegara.

05

Merencana dan melaksanakan aktiviti-aktiviti dialog, hubungan industri dan kursus kepada pegawai-pegawai JTKSM berhubung dengan dasar dan polisi penggajian pekerja bukan warganegara yang terkini.

06

Menganggotai dan menasihati Jawatankuasa Pegawai Dagang dalam urusan pengambilan Pegawai Dagang.

07

Memproses dan menimbang permohonan Pekerja Domestik Asing (PDA) dengan mematuhi undang-undang buruh dan memorandum persefahaman (MoU) dengan negara sumber.

08

Menganggotai *Joint Working Group* (JWG) dan *Joint Task Force* (JTF) bagi memastikan pelaksanaan protokol dan MoU berkaitan pengambilan dan penggajian pekerja domestik asing.

09

Memantau pengurusan pembayaran wang pampasan pekerja kepada orang tanggungan.

10

Memberi khidmat nasihat berhubung pekerja bukan warganegara.

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaraskan, memantau dan mengurus hal ehwal khidmat pengurusan merangkumi pengurusan sumber manusia, kewangan, perolehan, aset dan pentadbiran am, komunikasi dan perhubungan awam Jabatan. Ini bagi memastikan pengurusan operasi Jabatan berjalan dengan cekap dan teratur menggunakan sumber kewangan dan perbelanjaan secara optimum.



UNIT DI BAWAH BAHAGIAN

01

Unit Sumber Manusia

02

Unit Pentadbiran

03

Unit Perolehan & Pembangunan

04

Unit Aset, Kewangan & Akaun

FUNGSI UTAMA BAHAGIAN

01

Mengurus dan menyelaras urusan perolehan dan pembangunan.

02

Mengurus dan menyelaras urusan aset alih dan aset tak alih.

03

Mengurus dan menyelaras pentadbiran Jabatan.

04

Mengurus dan menyelaras hal ehwal kewangan dan perakaunan.

05

Mengurus dan menyelaras hal ehwal sumber manusia dan pembangunan organisasi.

UNIT UNDANG-UNDANG

Unit ini bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat perundangan dan menjadi sumber rujukan kepada jabatan bagi masalah perundangan yang timbul serta membantu proses penggubalan dan pindaan undang-undang bagi perundangan di bawah tanggungjawab Jabatan. Unit ini turut menjalankan kuasa yang diwakilkan oleh Pendakwa Raya di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk menyemak kertas siasatan, memulakan prosiding jenayah, mengendalikan perbicaraan dan rayuan di mahkamah.



FUNGSI UTAMA UNIT

01

Memberikan khidmat nasihat perundangan kepada Jabatan sama ada secara lisan atau bertulis selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang bertulis yang berkaitan.

02

Menggubal, menyemak dan meminda perundangan utama (Akta) dan perundangan subsidiari (Peraturan-Peraturan, Perintah, Kaedah-Kaedah) di bawah bidang kuasa Jabatan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebelum dikemukakan kepada Kementerian.

03

Menyemak dan memberikan ulasan terhadap instrumen perundangan domestik seperti Perjanjian, Surat Niat, Memorandum Persefahaman/ Kerjasama, dan lain-lain bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi.

04

Menyemak dan memberikan pandangan awal terhadap instrumen perundangan antarabangsa seperti Perjanjian Perdagangan Antarabangsa, instrumen standard perburuhan antarabangsa, pertanyaan/ notis *International Labour Organization* (ILO), Triti, Memorandum Persefahaman/Kerjasama, *Letter of Cooperation* dan lain-lain bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi.

05

Mengendalikan, menyelia dan memastikan pelaksanaan kes pendakwaan di Jabatan dilaksanakan dengan teratur selaras dengan perundangan yang berkaitan agar fungsi Jabatan dapat dicapai dengan berkesan.

06

Memberikan arahan dan nasihat berkaitan dengan Kertas Siasatan yang disediakan oleh Pegawai Penyiasat Jabatan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang bertulis yang berkaitan.

07

Mengendalikan dan menyelia kes tuntutan sivil di mana Jabatan bertindak sebagai Plaintiff dan membantu Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara/ Unit Guaman Negeri dalam penyediaan laporan dan dokumen berkaitan dengan kes tuntutan sivil/ semakan kehakiman di mana Jabatan bertindak sebagai Defendan/ Responden.

08

Memberikan ceramah mengenai undang-undang atas arahan Jabatan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Unit Komunikasi Korporat ialah satu unit yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan mengendalikan penyampaian serta penyaluran maklumat, peningkatan imej korporat jabatan, perhubungan awam, media, pengurusan aduan dan khidmat pelanggan.



FUNGSI UTAMA UNIT

01

Bertanggungjawab sebagai "penjaga jenama" JTKSM. Ini merangkumi penyelarasan identiti visual Jabatan dan memastikan mesej mengenai "Pekerjaan Bermaruah" disampaikan secara konsisten di semua platform bagi membina kepercayaan orang awam.

02

- Pengurusan Krisis: Menangani isu-isu sensitif perburuhan di media dengan pantas dan berintegriti.
- Sebaran Berita: Menguruskan siaran media, sidang akhbar, dan jalinan kerjasama dengan pengamal media bagi menonjolkan kejayaan operasi serta penguatkuasaan JTKSM.

03

Mengadaptasi Norma Baharu Masa Hadapan melalui pengurusan media sosial yang dinamik (Facebook, Instagram, X dan TikTok). UKK berfungsi menukar maklumat perundangan yang kompleks kepada kandungan kreatif (infografik/video) agar lebih mudah difahami oleh majikan dan pekerja.

04

Menerajui penganjuran majlis rasmi, program advokasi dan siri libat urus peringkat kebangsaan. UKK memastikan setiap acara dilaksanakan mengikut standard protokol kerajaan yang tinggi, sekaligus mencerminkan kredibiliti Jabatan.

05

Bertindak sebagai jambatan maklumat antara pihak pengurusan tertinggi dengan warga JTKSM. Ini bertujuan menyemai semangat kebersamaan dan memastikan setiap anggota Jabatan memahami serta mendokong visi transformasi penguatkuasaan.

06

Menguruskan saluran aduan dan pertanyaan awam bagi memastikan setiap input rakyat mendapat maklum balas yang sewajarnya, selaras dengan prinsip penyampaian perkhidmatan yang cekap dan telus.



**SEKILAS
FAKTA**

PENCAPAIAN 2025



Sumber : JTKSM

UNDANG-UNDANG YANG DIKUAT KUASA

UNDANG-UNDANG UTAMA

Akta Kerja 1955
[Akta 265]

01

Akta Standard Minimum
Perumahan, Penginapan dan
Kemudahan Pekerja 1990
[Akta 446]

02

Akta Agensi Pekerjaan
Swasta 1981
[Akta 246]

03

Akta Majlis Perundingan
Gaji Negara 2011
[Akta 732]

04

Akta Kanak-kanak dan
Orang Muda (Pekerjaan) 1966
[Akta 350]

05

Akta Pekerja Gig 2025
[Akta 872]

06

UNDANG-UNDANG LAIN

Akta Hari Kelepasan Mingguan
1950 [Akta 220]

Akta Hari Kelepasan
1951 [Akta 369]

Akta Pampasan Pekerja
1952 [Akta 273]

Akta Maklumat Pekerjaan
1953 [Akta 159]

Akta Kerja (Sekatan)
1968 [Akta 796]

Akta Pembangunan Sumber
Manusia Berhad 2001 [Akta 612]

Akta Antipemerdagangan Orang
dan Antipenyeludupan Migran
2007 [Akta 670]

Akta Umur Persaraan
Minimum 2012 [Akta 753]

PIAWAI PERBURUHAN ANTARABANGSA

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) terus komited memastikan kedudukan Malaysia selaras dengan piawai perburuhan antarabangsa melalui pematuhan dan penyertaan aktif dalam instrumen Perburuhan Antarabangsa yang ditetapkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Malaysia telah menjadi anggota ILO sejak 1957 dan sehingga kini telah meratifikasi pelbagai konvensyen penting yang meliputi hak asas pekerja, pembasmian buruh paksa dan buruh kanak-kanak serta aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

KONVENSYEN ILO YANG BERKAITAN DENGAN JTKSM



Forced Labour Convention, 1930 (No. 29)

Konvensyen ini telah diratifikasi pada 11 November 1957. Ini menandakan komitmen awal Malaysia untuk membasmi kerja paksa dalam apa jua bentuk.



Labour Inspection Convention, 1947 (No. 81)

Konvensyen ini telah diratifikasi pada tahun 1963. Konvensyen ini mengukuhkan peranan pemeriksaan buruh dalam memastikan pematuhan standard kerja.



Protection of Wages Convention, 1949 (No. 95)

Konvensyen ini diratifikasi pada 17 November 1961. Konvensyen ini menetapkan peraturan mengenai cara, masa, dan tempat pembayaran gaji, serta menghalang potongan yang tidak wajar.



Equal Remuneration Convention, 1951 (No. 100)

Konvensyen ini pula telah diratifikasi pada 9 September 1997. Ia mempromosikan kesamarataan upah bagi kerja sama nilai.



Minimum Age (Underground Work) Convention, 1965 (No. 123)

Konvensyen ini diratifikasi pada 6 Jun 1974. Konvensyen ini menetapkan umur minimum 16 tahun untuk bekerja di lombong bawah tanah.



Minimum Wage Fixing Convention, 1970 (No. 131)

Konvensyen ini diratifikasi pada 7 Jun 2016. Konvensyen ini bertujuan untuk melindungi pekerja daripada menerima upah yang terlalu rendah melalui penetapan sistem upah minimum. Ratifikasi Malaysia menunjukkan komitmen untuk memastikan pekerja menerima gaji yang adil.



Minimum Age Convention, 1973 (No. 138)

Konvensyen ini telah diratifikasi pada 9 September 1997. Konvensyen ini memfokuskan kepada penetapan had umur minimum bekerja sebagai langkah utama menentang buruh kanak-kanak.



Tripartite Consultation (International Labour Standards) Convention, 1976 (No. 144)

Konvensyen ini diratifikasi pada 14 Jun 2002. Ia memperkukuh amalan rundingan tiga pihak dalam hal piawai buruh.



Worst Forms of Child Labour Convention, 1999 (No. 182)

Konvensyen ini pula telah diratifikasi pada 10 November 2000. Konvensyen ini memberikan tumpuan khas kepada bentuk buruh kanak-kanak paling berbahaya.



DASAR-DASAR BAHARU PERBURUHAN

AKTA PEKERJA GIG 2025 [AKTA 872]

Akta ini merupakan inisiatif Kementerian Sumber Manusia dan akan dikuatkuasakan oleh Jabatan yang bertujuan untuk melindungi pekerja gig daripada diskriminasi, penyahaktifan tidak adil, serta memastikan akses kepada perlindungan sosial dan penyelesaian pertikaian. Ia mencerminkan usaha berterusan Kerajaan ke arah membina sistem pekerjaan yang lebih progresif dan berdaya tahan.

FAEDAH AKTA PEKERJA GIG 2025

01

Memperjelas hak dan tanggungjawab pekerja gig melalui perundangan yang jelas.

02

Menjamin pendapatan minimum, perlindungan sosial dan standard kerja yang lebih terjamin.

03

Mengurangkan eksploitasi serta memastikan ganjaran setimpal dengan sumbangan kepada ekonomi.

TINDAKAN PERUNDANGAN



KEGAGALAN MEMATUHI AWARD TRIBUNAL

Denda tidak melebihi RM50,000.00 atau penjara tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.



KESALAHAN YANG BERTERUSAN

Denda tidak melebihi RM500.00 bagi setiap hari kesalahan.



PENALTI AM

Denda tidak melebihi RM50,000.00 atau penjara tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.

INSTRUMEN PEMBAYARAN GAJI

Seksyen 25(4) Akta 265 membolehkan YB Menteri Sumber Manusia meluluskan dan mewartakan pengeluar instrumen pembayaran atau pengeluar instrumen pembayaran secara Islam sebagai pengeluar instrumen yang diiktiraf bagi maksud pembayaran gaji pekerja di bawah Akta 265. Pengeluar instrumen pembayaran gaji tersebut perlu memenuhi tafsiran “institusi kewangan” seperti berikut:

- Suatu bank berlesen dan pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan yang diluluskan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;
- Suatu bank Islam berlesen dan pengeluar instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan yang diluluskan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; dan
- Suatu institusi yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Pembangunan Kewangan 2002.

Pada tahun 2025, YB Menteri Sumber Manusia telah mewartakan sebanyak enam (6) syarikat pengeluar instrumen pembayaran tanpa tunai melalui warta Perintah Kerja (Pengeluar Instrumen Pembayaran Yang Ditetapkan Yang Diluluskan Yang Diiktiraf) P.U. (A) 201/2024 dan P.U. (A) 137/2025, menjadikan keseluruhan jumlah pengeluar instrumen pembayaran tanpa tunai kepada 12 syarikat seperti pada Paparan 1.



Paparan 1: Senarai 12 pengeluar instrumen pembayaran gaji tanpa tunai yang diiktiraf



Permohonan untuk mendapatkan kelulusan YB Menteri Sumber Manusia sebagai syarikat pengeluar instrumen pembayaran tanpa tunai yang diiktiraf akan diproses oleh Jabatan secara berperingkat.

The background features a white space with abstract red geometric shapes in the top-left and bottom-right corners. A trail of small, semi-transparent red circles starts from the right side and moves towards the bottom-left, creating a sense of motion or data flow.


PENGUATKUASAAN

PEMERIKSAAN PERBURUHAN

PEMERIKSAAN BERKANUN


Pemeriksaan berkanun merupakan salah satu aktiviti penguatkuasaan Jabatan melalui pemeriksaan tempat kerja bagi meningkatkan tindakan pembetulan dan pencegahan, menyampaikan khidmat nasihat perburuhan, serta mengumpul amalan terbaik untuk dikongsi dengan industri demi memastikan pematuhan undang-undang yang optimum. Tujuan pemeriksaan berkanun adalah seperti Paparan 2.


Paparan 2: Tujuan pemeriksaan berkanun



Sepanjang tahun 2025, sebanyak 22,173 tempat pekerjaan telah diperiksa. Jumlah pemeriksaan tertinggi yang dijalankan adalah dalam sektor perdagangan borong & runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal iaitu sebanyak 7,518 tempat pekerjaan yang mewakili 33.9 peratus daripada jumlah keseluruhan sektor pemeriksaan berkanun dijalankan. Manakala, Aktiviti perkhidmatan lain mencatatkan jumlah kedua tertinggi dengan 3,084 pemeriksaan mewakili 13.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pemeriksaan berkanun yang telah dijalankan. Perincian bilangan pemeriksaan berkanun mengikut sektor adalah seperti di Paparan 3.

Paparan 3 : Bilangan pemeriksaan berkanun mengikut sektor yang dikelaskan di bawah *Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC)* bagi tahun 2025





Sumber : JTKSM



Nota: Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

Terengganu merekodkan pemeriksaan berkanun tertinggi dengan 3,030 pemeriksaan (13.7%) dan Johor mencatatkan jumlah pemeriksaan berkanun kedua tertinggi iaitu sebanyak 2,958 pemeriksaan (13.3%). Bilangan pemeriksaan yang dilaksanakan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti keluasan sesuatu negeri, tahap kepesatan serta kepelbagaian industri, saiz industri dan bilangan pengisian pegawai penguat kuasa.

Hasil pemeriksaan yang dijalankan, sebanyak 3,869 notis pematuhan telah dikeluarkan kepada syarikat atau tempat pekerjaan atas pelbagai ketidakpatuhan. Johor merupakan negeri tertinggi yang mengeluarkan notis pematuhan iaitu sebanyak 1,048 notis (35.4% daripada jumlah pemeriksaan yang dijalankan) seperti pada Jadual 1.

Notis pematuhan dikeluarkan bertujuan untuk memberi peluang kepada majikan melakukan pembetulan terhadap sebarang ketidakpatuhan sebelum tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas diambil. Mekanisme ini dilaksanakan sebagai sebahagian daripada pendekatan pemeriksaan yang menekankan tindakan pembetulan (*corrective action*) serta tindakan pencegahan (*preventive action*), bagi memastikan majikan lebih proaktif dalam mematuhi undang-undang perburuhan dan mewujudkan amalan pengurusan tempat kerja yang selaras dengan kehendak undang-undang.

Jadual 1: Bilangan pemeriksaan berkanun dan notis pematuhan yang dikeluarkan mengikut negeri bagi tahun 2025

NEGERI	BILANGAN PEMERIKSAAN	PERATUSAN PEMERIKSAAN (%)	BILANGAN NOTIS PEMATUHAN DIKELUARKAN	PERATUSAN NOTIS PEMATUHAN (%)
 Johor	2,958	13.34	1,048	35.43
 Kedah	1,770	7.98	354	20.00
 Kelantan	2,279	10.28	158	6.93
 Melaka	693	3.10	142	20.49
 Negeri Sembilan	937	4.23	213	22.73
 Pahang	2,086	9.41	284	13.61
 Pulau Pinang	1,983	8.94	295	14.88
 Perak	2,520	11.37	399	15.83
 Perlis	721	3.25	131	18.17
 Selangor	1,525	6.88	246	16.13
 Terengganu	3,030	13.67	488	16.11
 WP Kuala Lumpur	1,178	5.31	110	9.34
 WP Labuan	493	2.22	1	0.20
JUMLAH	22,173	100.00	3,869	17.45

Sumber : JTKSM

Nota: Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

PEMERIKSAAN ESTET

Pemeriksaan estet merupakan inisiatif strategik yang memfokuskan kepada pematuhan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]. Melalui pendekatan proaktif ini, isu perburuhan dan kebajikan pekerja dapat dikenal pasti dengan lebih awal, sekali gus membolehkan majikan serta komuniti estet menangani sebarang cabaran secara teratur dan konstruktif.

Paparan 4 menunjukkan jumlah pemeriksaan estet yang dijalankan pada tahun 2025. Pemeriksaan estet tertinggi dicatatkan di Johor dengan bilangan 395 pemeriksaan diikuti dengan Pahang sebanyak 304 pemeriksaan.

Paparan 4 : Bilangan pemeriksaan estet mengikut negeri bagi tahun 2025



**JUMLAH
PEMERIKSAAN
ESTET**
1,557

Sumber : JTKSM

Paparan 5 : Bilangan rumah estet mengikut negeri bagi tahun 2025



Sumber : JTKSM

Nota : Tiada perubahan bagi statistik tahun 2024 dan 2025














Jadual 2 : Bilangan rumah estet yang mempunyai bekalan elektrik mengikut negeri bagi tahun 2025

NEGERI	SUMBER BEKALAN ELETRIK AWAM			SUMBER BEKALAN ELEKTRIK SENDIRI	JUMLAH KESELURUHAN
	KOMERSIAL	DOMESTIK	JUMLAH		
 Johor	56	91	147	21	168
 Kedah	46	20	66	5	71
 Kelantan	0	42	42	102	144
 Melaka	9	21	30	0	30
 Negeri Sembilan	89	21	110	1	111
 Pahang	76	117	193	74	267
 Pulau Pinang	0	66	66	0	66
 Perak	53	198	251	9	260
 Perlis	0	1	1	0	1
 Selangor	0	25	25	1	26
 Terengganu	30	30	60	6	66
 WP Kuala Lumpur	0	0	0	0	0
 WP Labuan	0	0	0	0	0
JUMLAH	359	632	991	219	1,210

Sumber : JTKSM

Nota : Sumber Bekalan Elektrik Awam merujuk kepada Tenaga Nasional Berhad, manakala Sumber Bekalan Elektrik Sendiri merujuk kepada mesin janakuasa yang dimiliki estet masing-masing. Tiada perubahan bagi statistik tahun 2024 dan 2025.

Jadual 3 : Bilangan rumah estet yang mempunyai bekalan air mengikut negeri bagi tahun 2025

NEGERI	SUMBER BEKALAN AIR AWAM			SUMBER BEKALAN AIR SENDIRI	JUMLAH KESELURUHAN
	KOMERSIAL	DOMESTIK	JUMLAH		
 Johor	27	94	121	47	168
 Kedah	46	19	65	14	79
 Kelantan	0	28	28	116	144
 Melaka	23	23	46	9	55
 Negeri Sembilan	74	25	99	18	117
 Pahang	52	113	165	96	261
 Pulau Pinang	0	66	66	0	66
 Perak	56	168	224	41	265
 Perlis	0	1	1	0	1
 Selangor	0	25	25	1	26
 Terengganu	24	29	53	9	62
 WP Kuala Lumpur	0	0	0	0	0
 WP Labuan	0	0	0	0	0
JUMLAH	302	591	893	351	1,244

Sumber : JTKSM

Nota : Sumber Bekalan Air Awam merujuk kepada syarikat bekalan air negeri masing-masing, manakala Sumber Bekalan Air Sendiri pula merujuk kepada air perigi/air bawah tanah, telaga, air sungai, air tadahan dan lain-lain sumber. Tiada perubahan bagi statistik tahun 2024 dan 2025.

Paparan 6 : Bilangan Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK) di estet mengikut negeri bagi tahun 2025



Sumber : JTKSM

Nota : Tiada perubahan bagi statistik tahun 2024 dan 2025.

Paparan 7 : Bilangan klinik dan hospital di estet mengikut negeri bagi tahun 2025



Sumber : JTKSM

Nota : Tiada perubahan bagi statistik tahun 2024 dan 2025.












Paparan 8 : Bilangan tempat ibadat di estet mengikut negeri bagi tahun 2025

NEGERI	MASJID	KUIL	TOKONG	GEREJA
	 935	 590	 153	 47
 Johor	264	▶ 137	▶ 57	▶ 8
 Kedah	41	▶ 52	▶ 6	▶ 4
 Kelantan	46	▶ 37	▶ 3	▶ 2
 Melaka	16	▶ 35	▶ 6	▶ 4
 Negeri Sembilan	94	▶ 61	▶ 27	▶ 9
 Pahang	249	▶ 44	▶ 36	▶ 0
 Pulau Pinang	2	▶ 4	▶ 6	▶ 0
 Perak	98	▶ 156	▶ 7	▶ 8
 Perlis	1	▶ 0	▶ 1	▶ 0
 Selangor	45	▶ 63	▶ 3	▶ 12
 Terengganu	79	▶ 1	▶ 1	▶ 0

Sumber : JTKSM

Nota : Tiada perubahan bagi statistik tahun 2024 dan 2025.

Jadual 4 : Bilangan estet yang mempunyai jalan berturap dan tidak berturap mengikut negeri bagi tahun 2025

NEGERI	JALAN TIDAK BERTURAP		JALAN BERTURAP	
	BILANGAN ESTET	JARAK JALAN (KM)	BILANGAN ESTET	JARAK JALAN (KM)
 Johor	131	673.65	131	399.80
 Kedah	23	29.95	24	22.25
 Kelantan	30	608.35	34	137.00
 Melaka	29	14.50	21	17.95
 Negeri Sembilan	22	49.30	44	71.49
 Pahang	108	362.06	85	132.50
 Pulau Pinang	1	0.10	0	0.00
 Perak	137	234.90	88	42,914.50
 Perlis	0	0.00	1	0.60
 Selangor	13	23.17	34	43.60
 Terengganu	33	52.40	43	564.03
JUMLAH	527	2,048.38	505	44,303.72

Sumber : JTKSM

Nota : Tiada perubahan bagi statistik tahun 2024 dan 2025.














PEMERIKSAAN PENGINAPAN PEKERJA

Pemeriksaan penginapan pekerja bertujuan memastikan majikan dan penyedia penginapan pekerja berpusat mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]. Akta ini terpakai kepada semua jenis industri di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan dan mewajibkan semua penginapan pekerja dan penginapan pekerja berpusat mempunyai Perakuan Penginapan Pekerja daripada Ketua Pengarah JTKSM.

Jadual 5 menunjukkan sebanyak 25,734 unit penginapan telah diperiksa yang melibatkan 23,545 majikan dan 2,189 penyedia penginapan berpusat. Selangor merupakan negeri tertinggi yang menjalankan pemeriksaan penginapan pekerja iaitu sebanyak 9,750 unit penginapan (37.9%) dan diikuti oleh Johor sebanyak 4,042 unit penginapan (15.7%).



Jadual 5 : Bilangan pemeriksaan penginapan pekerja dan penginapan pekerja berpusat mengikut negeri bagi tahun 2025

NEGERI	BILANGAN PENGINAPAN (UNIT)	BILANGAN PEMERIKSAAN	
		MAJIKAN	PENYEDIA BERPUSAT
 Johor	4,042	3,671	371
 Kedah	1,016	959	57
 Kelantan	91	91	0
 Melaka	376	289	87
 Negeri Sembilan	362	305	57
 Pahang	560	558	2
 Pulau Pinang	3,913	3,101	812
 Perak	3,179	3,061	118
 Perlis	37	37	0
 Selangor	9,750	9,067	683
 Terengganu	423	423	0
 WP Kuala Lumpur	1,963	1,961	2
 WP Labuan	22	22	0
JUMLAH	25,734	23,545	2,189

Sumber : JTKSM

OPERASI PENGUATKUASAAN PERBURUHAN

OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU

Operasi Penguatkuasaan Bersepadu merupakan inisiatif penguatkuasaan yang dilaksanakan secara kolaboratif bagi memaksimumkan impak, keberkesanan strategi serta hasil penguatkuasaan di tempat pekerjaan. Operasi ini dijalankan secara bersama dengan pelbagai agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).


Selain itu, Jabatan juga turut terlibat secara aktif dalam Operasi Penguatkuasaan Bersepadu KESUMA bersama Jabatan dan agensi di bawah KESUMA iaitu PERKESO, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan (CKSP). Pendekatan penguatkuasaan secara menyeluruh dan bersepadu ini bertujuan untuk memperkukuh tahap pematuhan industri terhadap perundangan perburuhan seterusnya memastikan hak serta kepentingan pekerja dan majikan sentiasa dilindungi dan dipelihara.

Pelaksanaan operasi bersepadu ini juga berupaya meningkatkan keterlihatan dan kredibiliti Jabatan khususnya dalam kalangan organisasi dan industri berskala besar di Malaysia, sekali gus memperkukuh imej Jabatan sebagai agensi penguat kuasa yang proaktif dan berwibawa.

Impak pelaksanaan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu dapat dilihat melalui pewujudan platform strategik bagi perkongsian pengalaman, kepakaran dan pengetahuan dalam pelaksanaan aktiviti penyiasatan serta penguatkuasaan antara agensi yang terlibat. Pendekatan ini membolehkan penggunaan sumber manusia sedia ada dioptimumkan secara lebih berkesan dan bersepadu, sekali gus meningkatkan kecekapan pelaksanaan operasi di lapangan. Selain itu, operasi bersepadu ini turut menyumbang kepada peningkatan tahap pematuhan majikan terhadap undang-undang perburuhan. Ini sejajar dengan usaha Jabatan untuk memperkukuh pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan melalui pendekatan kolaborasi pelbagai agensi. Melalui perkongsian maklumat dan data perburuhan secara bersepadu di bawah KESUMA, perancangan dan pelaksanaan penguatkuasaan dapat dilaksanakan secara lebih sistematik, tersusun serta berimpak tinggi.

Pelaksanaan operasi ini melibatkan penglibatan di seluruh negeri. Sebanyak 537 Operasi Penguatkuasaan Bersepadu atau purata 41 operasi bagi setiap negeri/wilayah telah dilaksanakan. Bilangan operasi tertinggi dicatatkan di Johor iaitu sebanyak 87 operasi (16.2%) diikuti oleh Perak sebanyak 85 operasi (15.8%) seperti di Paparan 9.

Paparan 9 : Bilangan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu dijalankan mengikut negeri bagi tahun 2025



Sumber : JTKSM

OPERASI PENGUATKUASAAN ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN (ATIP)


Operasi ATIP merupakan operasi penguatkuasaan khas yang dilaksanakan di bawah Akta 670. JTKSM merupakan salah satu daripada lima (5) agensi penguat kuasa yang diberikan mandat untuk menguatkuasakan akta ini sejak tahun 2010. Sehubungan itu, Jabatan melalui Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP) telah mempergiatkan pelaksanaan operasi bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang khususnya yang melibatkan eksploitasi buruh paksa.

Operasi ATIP dilaksanakan oleh PKP di setiap negeri dengan menyasarkan majikan dan tempat pekerjaan yang dikenal pasti berisiko. Ini bertujuan untuk membasmi dan mencegah amalan buruh paksa di tempat kerja. Pelaksanaan operasi ini adalah selaras dengan komitmen berterusan Jabatan dalam melindungi hak pekerja, memperkukuh penguatkuasaan undang-undang perburuhan, serta meningkatkan imej dan kredibiliti Malaysia di peringkat domestik dan antarabangsa.

Peningkatan pelaksanaan Operasi ATIP ini mencerminkan komitmen berterusan KESUMA dan JTKSM di bawah Pelan Tindakan Nasional Berhubung Buruh Paksa atau *National Action Plan on Forced Labour* (NAPFL) 2021–2025 untuk menghapuskan sepenuhnya sebarang bentuk amalan buruh paksa menjelang tahun 2030. Kerajaan menyambut baik penilaian positif kepada Malaysia yang berjaya mengekalkan penarafan Tahap 2 (*Tier 2*) dalam Laporan Tahunan mengenai Pemerdagangan Orang (*U.S TIP Report*) daripada Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) Tahun 2025 mengenai pemerdagangan orang yang diumumkan pada 30 September 2025 di Washington DC, Amerika Syarikat. Kedudukan ini menunjukkan pengiktirafan antarabangsa terhadap usaha berterusan negara dalam menjayakan agenda membanteras pemerdagangan orang. Perkembangan positif ini menggambarkan keberkesanan strategi penguatkuasaan Jabatan dan kesungguhan Kerajaan Malaysia dalam menangani isu buruh paksa secara tegas, bersepadu berlandaskan tadbir urus yang baik.

Paparan 10 menunjukkan sebanyak 76 operasi ATIP telah dijalankan di mana Selangor mencatatkan operasi tertinggi sebanyak 11 operasi. Manakala Johor, Pulau Pinang dan Perak masing-masing mencatatkan 10 operasi.

Paparan 10 : Bilangan Operasi Penguatkuasaan ATIP dijalankan mengikut negeri bagi tahun 2025



76
JUMLAH
KESELURUHAN

Sumber : JTKSM

KEBENARAN KETUA PENGARAH, PELESENAN DAN PERAKUAN PENGINAPAN PEKERJA

KEBENARAN KETUA PENGARAH

Jabatan berperanan menetapkan standard dan piawaian minimum perburuhan bagi memastikan pematuhan undang-undang serta melindungi kebajikan dan hak pekerja. Selaras dengan keperluan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih fleksibel dan menyokong kelangsungan operasi industri dan pelaksanaan *ease of doing business*, Jabatan membenarkan majikan memohon pengecualian terhadap pemakaian peruntukan tertentu undang-undang perburuhan tertakluk kepada syarat bahawa pengecualian tersebut tidak menjejaskan kebajikan dan hak pekerja.

Mekanisme ini diwujudkan bagi memberi fleksibiliti terkawal kepada majikan dalam pengurusan tenaga kerja selaras dengan keperluan operasi industri, tanpa mengabaikan prinsip perlindungan kebajikan dan hak pekerja. Sehubungan itu, JTKSM akan memastikan setiap permohonan yang dikemukakan dinilai secara teliti dan berasaskan prinsip pematuhan undang-undang, dengan mengambil kira keseimbangan antara keperluan operasi majikan dan kepentingan pekerja. Kelulusan yang diberikan adalah bersifat bersyarat serta tertakluk kepada pemantauan dan penguatkuasaan berterusan bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan, sekali gus menyokong usaha pengoptimuman sumber manusia dan peningkatan produktiviti industri secara mampan.

Paparan 11 menunjukkan bahawa jumlah permohonan kebenaran Ketua Pengarah yang dikendalikan pada tahun 2025 adalah sebanyak 4,239. Permohonan tertinggi melibatkan pembayaran gaji secara wang tunai/cek tunai, iaitu 1,204 permohonan, diikuti permohonan kebenaran potongan upah sebanyak 1,186, dan permohonan menyimpan daftar pekerja sebanyak 888. Secara keseluruhan, terdapat peningkatan sebanyak 548 permohonan atau 14.8 peratus berbanding pada tahun 2024. Peningkatan ini mencerminkan penguatkuasaan perundangan perburuhan yang lebih berkesan terhadap industri, sejajar dengan kesedaran majikan dalam memastikan pematuhan terhadap undang-undang perburuhan.

Paparan 11 : Bilangan permohonan Kebenaran Ketua Pengarah mengikut jenis permohonan yang dikeluarkan pada tahun 2024 dan 2025.



Sumber : JTKSM

PELESENAN AGENSI PEKERJAAN SWASTA (APS)

Jabatan bertanggungjawab dalam mengawasi pelesenan serta memastikan pematuhan APS terhadap peruntukan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246]. Akta ini digubal bagi mencegah sebarang aktiviti perekrutan pekerja secara tidak sah oleh individu atau pihak yang tidak memiliki lesen APS.

Selaras dengan peruntukan Akta 246, setiap pihak yang bertindak sebagai pengantara atau orang tengah dalam mendapatkan pekerja untuk majikan, atau pekerjaan bagi pencari kerja, diwajibkan memiliki lesen APS. Kegagalan untuk mematuhi kewajipan tersebut merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 7 Akta 246 dan, jika disabitkan, boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM200,000.00 atau penjara tidak melebihi tiga (3) tahun, atau kedua-duanya sekali.

Terdapat tiga (3) kategori lesen APS yang diperuntukkan, iaitu Lesen A, Lesen B dan Lesen C. Setiap kategori lesen mempunyai keperluan modal berbayar serta kadar wang jaminan yang berbeza, sebagaimana yang diperincikan dalam Paparan 12.


Paparan 12: Kategori lesen, modal berbayar dan wang jaminan mengikut kategori lesen

	LESEN A	LESEN B	LESEN C
Penempatan pekerja	Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam Malaysia	Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekhidmat domestik asing di dalam Malaysia	Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekerja bukan warganegara di dalam Malaysia
Modal berbayar	RM50,000.00	RM100,000.00	RM250,000.00
Wang jaminan	RM5,000.00	RM100,000.00	RM250,000.00
Wang jaminan untuk menubuhkan cawangan	RM5,000.00	RM30,000.00	RM100,000.00

Seksyen 14C Akta 246 memperuntukkan bahawa setiap APS wajib untuk menandatangani wang jaminan kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja mengikut kategori lesen yang telah diluluskan. Wang jaminan tersebut berperanan sebagai mekanisme perlindungan bagi pencari kerja dan majikan sekiranya berlaku kegagalan APS dalam melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan. Antara tujuan penggunaan wang jaminan ini termasuklah menampung kos penghantaran pulang pencari kerja, menyediakan penempatan sementara bagi pencari kerja, serta melaksanakan bayaran balik kepada majikan sekiranya APS gagal memenuhi perkhidmatan yang telah dipersetujui bersama majikan.














Berkuat kuasa mulai Julai 2025, 10 jenis permohonan pelesenan APS yang dijalankan secara manual telah ditambah baik kepada permohonan secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx). Paparan 13 menunjukkan bilangan lesen APS yang aktif berdasarkan kategori lesen.

Paparan 13: Bilangan APS aktif berdasarkan kategori lesen



Jadual 6 menunjukkan Selangor merekodkan bilangan lesen APS tertinggi dengan 475 dan diikuti WP Kuala Lumpur sebanyak 365. Sehingga 31 Disember 2025, terdapat 1,277 agensi pekerjaan swasta yang aktif di Semenanjung Malaysia dengan pecahan seperti berikut:

Jadual 6 : Statistik APS berlesen yang aktif mengikut kategori dan negeri sehingga 31 Disember 2025

NEGERI	KATEGORI LESEN (INDUK)			KATEGORI LESEN (CAWANGAN)			KATEGORI LESEN (KESELURUHAN)			
	A	B	C	A	B	C	A	B	C	JUMLAH
 Johor	26	52	97	3	5	4	29	57	101	187
 Kedah	6	5	15	0	1	0	6	6	15	27
 Kelantan	0	4	1	0	1	0	0	5	1	6
 Melaka	4	7	17	0	3	4	4	10	21	35
 Negeri Sembilan	2	4	19	0	1	1	2	5	20	27
 Pahang	1	2	5	0	0	0	1	2	5	8
 Pulau Pinang	22	18	52	4	3	7	26	21	59	106
 Perak	2	11	22	0	1	0	2	12	22	36
 Perlis	0	1	0	0	0	0	0	1	0	1
 Selangor	99	134	231	0	7	4	99	141	235	475
 Terengganu	1	1	1	0	0	0	1	1	1	3
 WP Kuala Lumpur	88	71	199	0	2	5	88	73	204	365
 WP Labuan	0	0	1	0	0	0	0	0	1	1
JUMLAH	251	310	660	7	24	25	258	334	685	1,277

Sumber : JTKSM

DOKUMEN PENGENALAN DIRI APS

Dokumen pengenalan diri diperkenalkan bertujuan untuk mengelakkan penyamaran, eksploitasi dan penipuan dalam hal ehwal aktiviti perekrutan, sekali gus memastikan aktiviti perekrutan dijalankan secara sah dan telus. Selaras dengan peruntukan Seksyen 13D Akta 246, Pengarah atau pekerja APS yang terlibat dalam aktiviti perekrutan diwajibkan menunjukkan dokumen pengenalan diri apabila diminta mengikut kategori lesen yang telah dikeluarkan. Tempoh sah laku dokumen pengenalan diri adalah selaras dengan tempoh sah lesen APS.














Kegagalan mematuhi peruntukan ini merupakan satu kesalahan di bawah subseksyen 13D(5) Akta 246 dan jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2,000.00.

Jadual 7 menunjukkan sehingga 31 Disember 2025, sebanyak 3,394 dokumen pengenalan diri yang aktif. Sebanyak 378 dokumen pengenalan diri dikeluarkan bagi Lesen A, 824 bagi Lesen B manakala 2,192 bagi Lesen C.

Dua negeri yang mencatatkan pengeluaran dokumen pengenalan diri yang tertinggi adalah Selangor iaitu sebanyak 1,186 diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 950. Bilangan APS aktif yang tinggi merupakan penyumbang utama kepada kadar pengeluaran dokumen pengenalan diri bagi kedua-dua negeri tersebut.



Jadual 7: Statistik dokumen pengenalan diri yang aktif (induk dan cawangan) mengikut kategori dan negeri sehingga 31 Disember 2025

NEGERI	KATEGORI LESEN			JUMLAH
	A	B	C	
 Johor	65	140	364	569
 Kedah	7	21	38	66
 Kelantan	0	19	5	24
 Melaka	11	31	67	109
 Negeri Sembilan	3	7	59	69
 Pahang	1	2	17	20
 Pulau Pinang	31	65	186	282
 Perak	8	23	74	105
 Perlis	0	0	0	0
 Selangor	126	337	723	1,186
 Terengganu	1	2	5	8
 WP Kuala Lumpur	125	177	648	950
 WP Labuan	0	0	6	6
JUMLAH	378	824	2,192	3,394


Sumber : JTKSM

PERAKUAN PENGINAPAN PEKERJA



Jabatan memainkan peranan yang amat signifikan dalam memastikan kebajikan pekerja sentiasa terpelihara selaras dengan penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446], yang terpakai di Semenanjung Malaysia serta Wilayah Persekutuan Labuan. Semua penginapan yang disediakan kepada pekerja diwajibkan memperoleh Perakuan Penginapan daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja.

Penguatkuasaan ini bertujuan memastikan majikan menyediakan tempat tinggal yang mematuhi piawaian undang-undang dan spesifikasi minimum yang ditetapkan. Selain itu, ia juga bertujuan mewujudkan persekitaran tempat tinggal yang selamat, bersih dan kondusif bagi pekerja. Bilangan perakuan penginapan diluluskan mengikut negeri bagi tahun 2025 adalah seperti di Paparan 14. Ia menunjukkan perbezaan sebanyak 20.2 peratus antara jumlah permohonan yang diterima (10,094) berbanding perakuan yang diluluskan (8,053).

Antara faktor permohonan tidak diluluskan adalah:



Paparan 14 : Bilangan permohonan dan perakuan penginapan pekerja mengikut negeri bagi tahun 2025



Sumber : JTKSM

Paparan 15 menunjukkan kelulusan tertinggi adalah dalam sektor pembuatan iaitu sebanyak 4,643 (57.7%) dan diikuti sektor perkhidmatan sebanyak 2,686 (33.4%).

Paparan 15 : Bilangan kelulusan permohonan penginapan pekerja mengikut sektor bagi tahun 2025



Sumber : JTKSM

Berdasarkan Paparan 16, sebanyak 7,440 perakuan penginapan telah dikeluarkan kepada majikan dan 613 kepada penyedia penginapan berpusat.

Paparan 16 : Kelulusan penginapan pekerja mengikut kategori bagi tahun 2025



Sumber : JTKSM

KELULUSAN PELAN BANGUNAN DAN SIJIL LAYAK MENDUDUKI

Majikan estet yang ingin membina rumah pekerja, bangunan PAKK dan dewan komuniti adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446].

Di bawah Peraturan 32, Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990, terdapat beberapa peruntukan standard minimum yang perlu dipatuhi oleh majikan estet, antaranya keperluan untuk mendapatkan kelulusan JTKSM bagi pelan lokasi, pelan bangunan dan pelan tangki septik sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan.

Setelah bangunan siap dibina, majikan juga dikehendaki mendapatkan Sijil Layak Menduduki atau *Certificate of Fitness* (CF) daripada JTKSM sebelum bangunan tersebut boleh didiami oleh pekerja atau digunakan.

Jadual 8 menunjukkan statistik keseluruhan sebanyak 124 kelulusan pelan dan 281 CF telah dikeluarkan kepada majikan-majikan estet. Pahang merekodkan kelulusan pelan tertinggi iaitu sebanyak 89 pelan (71.8%) diikuti Perak sebanyak 14 pelan (11.3%). Pahang juga mencatatkan bilangan kelulusan CF yang tertinggi dengan jumlah sebanyak 120 (42.7%) diikuti Johor sebanyak 74 CF (26.3%).



Jadual 8 : Bilangan kelulusan pelan membina/mengubahsuai bangunan dan Sijil Layak Menduduki (CF) bagi tahun 2025.

NEGERI	KELULUSAN PELAN	SIJIL LAYAK MENDUDUKI (CF)
 Johor	11	74
 Kedah	0	0
 Kelantan	3	67
 Melaka	0	0
 Negeri Sembilan	5	2
 Pahang	89	120
 Pulau Pinang	0	0
 Perak	14	14
 Perlis	0	0
 Selangor	0	0
 Terengganu	2	4
 WP Kuala Lumpur	0	0
 WP Labuan	0	0
JUMLAH	124	281

Sumber : JTKSM

PENGENDALIAN ADUAN

ADUAN PERBURUHAN

Pengendalian aduan perburuhan secara efektif dan pantas merupakan antara matlamat yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan Jabatan. Jabatan amat komited untuk memastikan setiap aduan yang diterima, disiasat dan diselesaikan secara cekap, berkesan serta memenuhi kepuasan pelanggan.

Aduan-aduan perburuhan ini diterima melalui pelbagai sumber seperti pemegang taruh, Biro Pengaduan Awam, media massa, pertubuhan bukan kerajaan, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, portal Jabatan, surat, telefon, emel, eAduan@JTKSM atau pengadu hadir ke Jabatan.


Jadual 9 menunjukkan sebanyak 10,454 kes aduan telah dikendalikan sepanjang tahun 2025. Kes tertinggi dikendalikan di negeri Selangor iaitu sebanyak 2,245 kes (21.5%), diikuti oleh negeri Johor iaitu sebanyak 2,036 kes (19.5%). Secara keseluruhan, sebanyak 10,031 kes aduan telah berjaya diselesaikan, yang membawa kepada kadar penyelesaian nasional sebanyak 96.0 peratus.



Terima aduan



Siasatan dijalankan



Maklumkan pengadu hasil siasatan

Jadual 9 : Bilangan kes aduan dikendali dan diselesaikan mengikut negeri bagi tahun 2025

NEGERI	KES KENDALI	KES SELESAI	PERATUSAN SELESAI (%)
 Johor	2,036	2,000	98.2
 Kedah	900	881	97.9
 Kelantan	160	158	98.8
 Melaka	556	549	98.7
 Negeri Sembilan	502	502	100.0
 Pahang	422	408	96.7
 Pulau Pinang	935	902	96.5
 Perak	777	746	96.0
 Perlis	67	67	100.0
 Selangor	2,245	2,064	91.9
 Terengganu	267	264	98.9
 WP Kuala Lumpur	1,556	1,462	94.0
 WP Labuan	31	28	90.3
JUMLAH	10,454	10,031	96.0

Sumber : JTKSM

ADUAN DISKRIMINASI DI TEMPAT KERJA

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 29 aduan diskriminasi di tempat kerja telah direkodkan. Trend aduan tertinggi direkodkan oleh isu diskriminasi berkaitan selain bayaran tunai dengan 12 aduan, diikuti isu diskriminasi berkaitan bayaran tunai dengan 11 aduan. Kedua-dua isu ini menyumbang 79.3 peratus daripada keseluruhan isu diskriminasi. Selain itu, aduan berkaitan diskriminasi kaum dan jantina masing-masing mencatatkan tiga (3) aduan.

Jadual 10 merujuk kepada statistik aduan diskriminasi di tempat kerja bagi tahun 2025. Ia menunjukkan bahawa cabaran semasa lebih tertumpu kepada isu yang melibatkan aspek kewangan berbanding isu hubungan sosial di tempat kerja.

Negeri Perak merekodkan jumlah aduan tertinggi dengan 11 aduan dan merupakan satu-satunya negeri yang melaporkan insiden bagi keempat-empat kategori isu diskriminasi. Ini diikuti oleh Selangor dengan sembilan (9) aduan yang sebahagian besarnya tertumpu kepada isu diskriminasi berkaitan selain bayaran tunai. Negeri-negeri lain seperti Kedah, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Terengganu mencatatkan bilangan aduan yang minimum.

Secara keseluruhannya, bilangan aduan diskriminasi di tempat kerja yang tinggi di Perak dan Selangor memerlukan intervensi yang bersasar seperti program kesedaran diskriminasi di tempat kerja di kalangan pekerja dan majikan.

Jadual 10 : Statistik aduan diskriminasi di tempat kerja bagi tahun 2025

JENIS ISU	 Kedah	 Pulau Pinang	 Perak	 Selangor	 Terengganu	 WP Kuala Lumpur	JUMLAH
Diskriminasi Berkaitan Bayaran Tunai	3	2	4	1	0	1	11
Diskriminasi Berkaitan Selain Bayaran Tunai	0	1	3	6	1	1	12
Diskriminasi Kaum	0	0	2	1	0	0	3
Diskriminasi Jantina	0	0	2	1	0	0	3
JUMLAH	3	3	11	9	1	2	29

Sumber : JTKSM

ADUAN GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

Jabatan komited untuk memberikan perlindungan yang maksimum kepada pekerja termasuk isu gangguan seksual di tempat kerja. Bahagian XVA Akta 265 telah menggariskan peruntukan berhubung gangguan seksual. Bahagian ini turut mewajibkan majikan untuk memaparkan notis berkaitan gangguan seksual bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran pekerja mengenai gangguan seksual di tempat kerja.

Gangguan seksual merupakan tingkah laku yang berunsur seksual yang tidak diingini sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, gerak-geri atau secara fizikal. Aduan berkaitan gangguan seksual bagi konteks Jabatan adalah merujuk kepada gangguan seksual yang dilakukan oleh seorang pekerja terhadap pekerja lain, pekerja terhadap majikan atau majikan terhadap pekerja. Peruntukan ini menetapkan agar setiap majikan menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan seksual yang diterima. Sekiranya majikan enggan menyiasat, pekerja boleh merujuk perkara itu kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja.

Paparan 17 di bawah menunjukkan bahawa Jabatan telah merekodkan sebanyak 10 aduan berkaitan gangguan seksual di tempat kerja. Antara kategori aduan yang diterima adalah gangguan yang dilakukan secara lisan dan gangguan secara fizikal. Melaka mencatatkan empat (4) aduan, diikuti Perak dengan dua (2) aduan. Jabatan sentiasa komited dalam memperkukuh kesedaran berhubung isu gangguan seksual di tempat kerja melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif dan penganjuran program yang disasarkan kepada pekerja serta majikan.

Paparan 17 : Aduan gangguan seksual mengikut negeri bagi tahun 2025










Sumber : JTKSM

ADUAN GAJI MINIMUM

Aduan berkaitan gaji minimum merujuk kepada aduan pekerja mengenai kegagalan majikan membayar kadar gaji minimum mengikut perintah gaji minimum semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Jadual 11 di bawah menunjukkan sebanyak 606 aduan gaji minimum telah dikendalikan sepanjang tahun 2025 melibatkan seramai 2,740 orang pekerja. Aduan tertinggi dikendalikan di Selangor iaitu sebanyak 115 aduan (19.0%) melibatkan 354 orang pekerja diikuti Johor sebanyak 103 aduan (17.0%) melibatkan 471 orang pekerja.

Jadual 11 : Aduan dan bilangan pekerja berkaitan gaji minimum mengikut negeri bagi tahun 2025

NEGERI	BILANGAN ADUAN DITERIMA	BILANGAN ADUAN SELESAI	BILANGAN PEKERJA TERLIBAT
 Johor	103	97	471
 Kedah	77	57	200
 Kelantan	35	32	140
 Melaka	34	29	57
 Negeri Sembilan	37	36	257
 Pahang	31	30	232
 Pulau Pinang	28	28	237
 Perak	63	58	491
 Perlis	11	11	35
 Selangor	115	112	354
 Terengganu	59	57	246
 WP Kuala Lumpur	6	6	10
 WP Labuan	7	7	10
JUMLAH	606	560	2,740

Sumber : JTKSM

Paparan 18 di bawah menunjukkan aduan gaji minimum tertinggi diterima bagi sektor aktiviti pentadbiran & khidmat sokongan (perkhidmatan kawalan keselamatan, pencucian bangunan, penyelenggaraan landskap) iaitu sebanyak 220 aduan (25.3%) diikuti sektor aktiviti perkhidmatan lain sebanyak 161 aduan (18.5%).

Paparan 18: Aduan gaji minimum mengikut sektor yang dikelaskan di bawah *Malaysian Standard Industrial Classification* 2008 (MSIC) bagi tahun 2025.



Sumber : JTKSM

KERTAS SIASATAN, KOMPAUN DAN PENDAKWAAN














Jabatan memandang serius isu ketidakpatuhan terhadap undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan dan komited untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas serta berterusan demi melindungi hak dan kebajikan pekerja.

Jabatan akan menjalankan siasatan terhadap aduan pelanggaran undang-undang perburuhan yang diterima dan seterusnya membuka kertas siasatan sebelum sebarang tindakan perundangan diteruskan. Kertas siasatan adalah dokumen yang mengandungi fakta, keterangan dan bahan bukti pelanggaran undang-undang yang disediakan oleh pegawai penyiasat. Dokumen ini membolehkan tindakan kompaun atau pendakwaan diambil ke atas majikan setelah mendapat keizinan Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

Jadual 12 menunjukkan sebanyak 1,524 kertas siasatan telah dibuka sepanjang tahun 2025. Sebanyak 716 kertas siasatan (47.0%) telah diberi izin kompaun dan 585 kertas siasatan (38.4%) telah diberi izin dakwa.



Jadual 12: Kertas siasatan, kompaun dan pendakwaan bagi tahun 2025

NEGERI	BILANGAN KERTAS SIASATAN	BILANGAN KOMPAUN	BILANGAN PENDAKWAAN
 Johor	364	187	137
 Kedah	116	29	81
 Kelantan	44	26	15
 Melaka	41	10	24
 Negeri Sembilan	98	31	52
 Pahang	76	39	27
 Pulau Pinang	109	78	12
 Perak	190	121	32
 Perlis	10	10	0
 Selangor	303	135	115
 Terengganu	51	31	18
 WP Kuala Lumpur	116	14	71
 WP Labuan	6	5	1
JUMLAH	1,524	716	585

Sumber : JTKSM

PENGENDALIAN KES BURUH














Pendengaran kes buruh merupakan antara peranan utama Jabatan dalam memperkasakan undang-undang perburuhan. Kes buruh adalah tuntutan yang dibuat sama ada oleh pekerja terhadap majikannya atau sebaliknya berdasarkan undang-undang perburuhan di bawah Akta 265.

Pegawai Jabatan diberi kuasa untuk mendengar, menyiasat dan memutuskan tuntutan tanpa had amaun sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 69 Akta 265. Tuntutan ini akan dibicarakan di Mahkamah Buruh selaras dengan prinsip keadilan asasi iaitu *right to a fair hearing (audi alteram partem)* dan *rules against bias (nemo judex in causa sua)*.

Jadual 13 menunjukkan sebanyak 19,001 kes buruh dikendalikan oleh Jabatan sepanjang tahun 2025 dengan jumlah perintah yang dikeluarkan berjumlah RM88,236,686.63.



Jadual 13: Kes buruh yang dikendalikan mengikut negeri bagi tahun 2025

NEGERI	KES KENDALI	KES SELESAI	AMAUN PERINTAH (RM)
 Johor	1,717	1,536	6,277,700.20
 Kedah	1,103	970	6,258,447.52
 Kelantan	594	531	2,202,602.89
 Melaka	810	679	2,465,794.27
 Negeri Sembilan	959	892	4,241,364.89
 Pahang	948	808	2,775,122.00
 Pulau Pinang	1,488	1,316	5,925,579.84
 Perak	1,630	1,398	6,379,021.19
 Perlis	81	80	428,670.66
 Selangor	5,834	4,877	18,131,391.98
 Terengganu	802	745	5,592,266.01
 WP Kuala Lumpur	2,919	2,381	27,307,978.83
 WP Labuan	116	106	250,746.35
JUMLAH	19,001	16,319	88,236,686.63

Sumber : JTKSM

MAHKAMAH BURUH

Objektif penubuhan Mahkamah Buruh adalah untuk menyediakan suatu platform pendengaran yang cepat, mudah dan menjimatkan kos bagi memutuskan tuntutan pekerja terhadap majikan, antaranya melibatkan bayaran gaji, bayaran gaji ganti notis serta faedah-faedah kewangan lain yang layak diperoleh di bawah peruntukan undang-undang atau kontrak perkhidmatan.

Pada masa ini, Jabatan mempunyai sebanyak 67 Mahkamah Buruh yang beroperasi di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mereformasi sistem Mahkamah Buruh, sebanyak 11 Mahkamah Buruh telah dilengkapi dengan Sistem Perakodan Digital (SPD) mudah alih. Sistem ini membolehkan rakaman audio dan video direkodkan sepanjang prosiding perbicaraan berlangsung dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan Jabatan dalam pengendalian kes buruh. Pemasangan sistem ini merupakan satu anjakan transformasi Jabatan selaras dengan aspirasi pendigitalan perkhidmatan Kerajaan.

Mahkamah Buruh yang telah dilengkapi dengan SPD mudah alih adalah seperti berikut:

- 1 Mahkamah Buruh Johor Bahru
- 2 Mahkamah Buruh Pelabuhan Klang
- 3 Mahkamah Buruh Subang Jaya
- 4 Mahkamah Buruh Cyberjaya
- 5 Mahkamah Buruh Kuala Lumpur
- 6 Mahkamah Buruh Melaka
- 7 Mahkamah Buruh Kluang
- 8 Mahkamah Buruh Bentong
- 9 Mahkamah Buruh Raub
- 10 Mahkamah Buruh Butterworth
- 11 Mahkamah Buruh Sungai Petani

PEMBERHENTIAN PEKERJA

Pemberhentian pekerja merujuk kepada penamatan pekerjaan secara sementara atau kekal oleh majikan atas pelbagai sebab termasuk kegawatan ekonomi, penstrukturan semula organisasi atau langkah pengurangan kos. Secara amnya, pemberhentian ini berlaku disebabkan faktor di luar kawalan pekerja seperti kemerosotan ekonomi atau penstrukturan semula.

Pada tahun 2025 jumlah pemberhentian pekerja dicatatkan sebanyak 61,399 pekerja, menurun berbanding tahun 2024 (63,562) dan 2023 (67,982).

Jadual 14 : Pemberhentian pekerja bagi tahun 2018 hingga 2025

TAHUN	PEMBERHENTIAN BIASA			SKIM PEMISAHAN KERJA			JUMLAH KESELURUHAN
	TEMPATAN	ASING	JUMLAH	TEMPATAN	ASING	JUMLAH	
2018	16,056	1,180	17,236	5,864	68	5,932	23,168
2019	18,552	7,178	25,730	3,858	17	3,875	29,605
2020	69,610	10,203	79,813	23,660	959	24,619	104,432
2021	30,842	3,855	34,697	27,992	632	28,624	63,321
2022	22,472	1,227	23,699	8,629	355	8,984	32,683
2023	47,455	8,528	55,983	11,544	455	11,999	67,982
2024	41,592	4,937	46,529	16,713	320	17,033	63,562
2025	38,601	6,588	45,189	15,745	465	16,210	61,399

Sumber : JTKSM

Jadual 14 menunjukkan daripada 61,399 pekerja yang diberhentikan pada tahun 2025, seramai 45,189 pekerja (73.6%) ditamatkan perkhidmatan melalui kaedah Pemberhentian Biasa manakala seramai 16,210 pekerja (26.4%) terlibat dalam Skim Pemisahan Kerja.

Pekerja tempatan membentuk majoriti besar iaitu seramai 54,346 orang, berbanding hanya 7,053 pekerja asing seperti pada Jadual 15. Selain itu, trend pemberhentian ini memperlihatkan impak yang lebih besar kepada pekerja lelaki yang mencatatkan jumlah keseluruhan 38,002 orang, berbanding pekerja perempuan seramai 23,397 orang.

Jadual 15 : Pemberhentian pekerja mengikut jenis tindakan bagi tahun 2025

JENIS TINDAKAN	BILANGAN MAJIKAN	TEMPATAN			ASING			JUMLAH KESELURUHAN
		LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH	
Pemberhentian Biasa	2,419	23,388	15,213	38,601	4,361	2,227	6,588	45,189
Skim Pemisahan Kerja	623	9,891	5,854	15,745	362	103	465	16,210
JUMLAH	3,042	33,279	21,067	54,346	4,723	2,330	7,053	61,399

Sumber : JTKSM

Bagi tahun 2025, Jabatan telah merekodkan pemberhentian tenaga kerja yang melibatkan pemberhentian 61,399 pekerja daripada 3,042 majikan. Sektor pembuatan dan aktiviti perkhidmatan lain merupakan sektor yang mendominasi landskap ini melalui sumbangan kumulatif 64.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes seperti di Jadual 16.

Satu indikator jelas bahawa tekanan kos operasi dan keperluan rasionalisasi mendesak majikan mengambil langkah pengurangan tenaga kerja secara langsung, terutamanya dalam industri berintensifkan buruh berbanding penstrukturan semula secara sukarela.

Jadual 16 : Pemberhentian pekerja mengikut sektor bagi tahun 2025

SEKTOR	BILANGAN MAJIKAN	BILANGAN PEKERJA	PERATUS (%)
Pembuatan	559	24,049	39.17
Aktiviti perkhidmatan lain	1,042	15,307	24.93
Maklumat dan komunikasi	153	4,274	6.96
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	309	4,151	6.76
Pembinaan	123	2,503	4.08
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	89	1,743	2.84
Pertanian, perhutanan dan perikanan	56	1,377	2.24
Perlombongan dan pengkuarian	75	1,243	2.02
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	115	1,121	1.83
Aktiviti kewangan dan insuran/takaful	94	1,083	1.76
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	64	1,012	1.65
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	76	902	1.47
Pengangkutan dan penyimpanan	133	758	1.24
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	18	599	0.98
Aktiviti hartanah	22	511	0.83
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	58	317	0.52
Pendidikan	23	237	0.39
Kesenian, hiburan dan rekreasi	15	87	0.14
Bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	8	73	0.12
Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik	8	33	0.05
Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	2	19	0.03
JUMLAH	3,042	61,399	100.00

Sumber : JTKSM

PENGURUSAN PEKERJA ASING

KELULUSAN AWAL PENGGAJIAN PEKERJA ASING DI BAWAH SEKSYEN 60K AKTA KERJA 1955 [AKTA 265]

Kelulusan awal penggajian pekerja asing adalah selaras dengan pindaan Seksyen 60K Akta 265 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2023. Peruntukan ini mewajibkan majikan mendapatkan kelulusan awal Ketua Pengarah sebelum menggajikan pekerja asing. Sehubungan itu, JTKSM bertanggungjawab untuk menjalankan siasatan bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang perburuhan sebelum kelulusan diberikan kepada majikan. Permohonan ini adalah terpakai kepada semua majikan yang ingin menggajikan pekerja asing tanpa mengira jenis jawatan atau pas penggajian. Jadual 17 menunjukkan bilangan kelulusan awal penggajian pekerja asing di bawah Seksyen 60K Akta 265 bagi tahun 2025.



Jadual 17 : Statistik keseluruhan kelulusan awal pengajian pekerja asing di bawah Seksyen 60K Akta 265 bagi tahun 2025

KATEGORI PAS PEKERJA ASING	TERIMA	SELESAI	LULUS	TOLAK	DALAM TINDAKAN
Pekerja Asing (Sektor Formal)	1,621	1,570	778	747	51
Permohonan Khas	4,294	3,048	2,264	784	1,246
Pekerja Domestik Asing	31,851	31,400	24,652	5,300	451
Pegawai Dagang	10,719	10,478	7,370	3,046	241
Pertukaran Majikan (PTM)	1,036	1,005	754	251	31
Pengawal Keselamatan	965	951	575	376	14
Nelayan Asing	932	892	560	332	40
Kru Kapal	242	224	135	89	18
Pas Residen	18	18	12	6	0
Pas Residen - Talent	59	59	42	17	0
Pas Lawatan Profesional (PVP)	1,550	1,550	1,232	318	0
Pas Ikhtisas	280	271	185	86	9
PLKS Warganegara Thailand	264	260	179	81	4
Tukang Masak Tomyam	919	905	392	513	14
Mangsa Pemerdagangan Orang	0	0	0	0	0
Pemegang Pas Pelajar	14	13	5	8	1
JUMLAH KESELURUHAN	54,764	52,644	39,135	11,954	2,120

Sumber : JTKSM

PERMOHONAN KUOTA PEKERJA ASING SECARA *CASE BY CASE*

Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara YB Menteri Dalam Negeri Dan YB Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing bertarikh 19 Ogos 2025 telah bersetuju untuk membuka permohonan kuota secara *case by case* melibatkan tambahan beberapa sektor/sub sektor lain yang dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing. Keputusan ini telah dibentangkan dan diluluskan di peringkat Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 Oktober 2025. Ia merupakan punca kuasa kepada KESUMA menerusi JTKSM untuk memproses permohonan Seksyen 60K Akta 265 bagi sektor/sub sektor yang terlibat. Permohonan Kelulusan Awal Penggajian Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta 265 secara *case by case* akan dilaksanakan melalui kaedah jemputan. Jemputan ini hanya diberikan kepada majikan yang telah melepasi tapisan awal temuduga oleh *One Stop Center* (OSC) Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Modul Permohonan Khas di sistem ePPAx.

Jadual 18 menunjukkan sektor perkhidmatan mencatatkan jumlah kelulusan tertinggi iaitu 789 permohonan (34.8%), diikuti oleh sektor pembuatan dengan 616 permohonan (27.2%). Sektor perlombongan dan pengkuarian pula mencatatkan jumlah kelulusan paling rendah iaitu sembilan (9) permohonan (0.4%). Secara keseluruhannya, 2,264 permohonan telah diluluskan pada tahun 2025 manakala 784 permohonan telah ditolak dalam tempoh yang sama.

Jadual 18 : Statistik permohonan kelulusan penggajian pekerja asing secara *case by case* di bawah Seksyen 60K Akta 265 bagi tahun 2025

KATEGORI PEKERJA ASING	TERIMA	SELESAI	LULUS	TOLAK	DALAM TINDAKAN
Perkhidmatan	1,903	1,175	789	386	728
Pertanian (Ternakan dan Perikanan)	543	456	345	111	87
Pembinaan	34	28	17	11	6
Pembuatan	1,119	749	616	133	370
Perladangan	680	629	488	141	51
Perlombongan dan Pengkuarian	15	11	9	2	4
JUMLAH	4,294	3,048	2,264	784	1,246

Sumber : JTKSM

PERMOHONAN PERTUKARAN MAJIKAN MENGGAJIKAN PEKERJA ASING


PERTUKARAN MAJIKAN

Pertukaran majikan merupakan satu mekanisme yang membolehkan majikan sedia ada memindahkan pekerja asing kepada majikan baharu. Sehubungan itu, setiap majikan baharu yang berhasrat untuk menggajikan pekerja asing tersebut diwajibkan mendapatkan kelulusan awal penggajian pekerja asing di bawah Seksyen 60K Akta 265. Langkah ini bertujuan memastikan pekerja asing yang digajikan secara sah dapat terus berkhidmat serta menikmati perlindungan di bawah undang-undang perburuhan di Malaysia. Keadaan-keadaan yang membolehkan permohonan pertukaran majikan seperti di Paparan 19 manakala statistik permohonan pertukaran majikan adalah pada Paparan 20.

Paparan 19 : Keadaan-keadaan yang membolehkan permohonan pertukaran majikan dibenarkan



Paparan 20: Permohonan pertukaran majikan bagi tahun 2025



Sumber : JTKSM

PERTUKARAN MAJIKAN (PTM) KHAS

Jabatan mengambil langkah proaktif bagi menangani isu eksploitasi pekerja asing melalui pelaksanaan mekanisme Pertukaran Majikan (PTM) Khas. Mekanisme ini diperkenalkan bagi mengatasi masalah lambakan pekerja asing yang terabai akibat kegagalan majikan menyediakan peluang pekerjaan, tidak membayar gaji serta tidak menyediakan penginapan yang kondusif dan mengabaikan kemudahan asas yang mencukupi. Mekanisme ini membolehkan pekerja asing yang terabai ditempatkan semula kepada majikan baharu merentas pelbagai sektor pekerjaan tertakluk kepada keperluan dan kriteria kelayakan yang telah ditetapkan. Bilangan majikan dan pekerja asing terlibat dalam PTM Khas adalah seperti di Paparan 21.

Paparan 21 : Bilangan majikan dan pekerja asing terlibat dalam PTM Khas bagi tahun 2025



Sumber : JTKSM

PEKERJA DOMESTIK ASING (PDA)

Pekerja Domestik Asing ditakrifkan sebagai individu yang diambil bekerja secara khusus untuk menjalankan kerja-kerja di tempat kediaman persendirian dan bukan diambil bekerja bagi apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh majikan. Lazimnya, PDA digajikan untuk mengimbangi kehendak kerjaya dengan keperluan menjaga anak-anak, ibu bapa atau warga emas serta menguruskan kediaman. Hak-hak PDA dalam kontrak perkhidmatan adalah tertakluk kepada terma dan syarat penggajian yang dipersetujui bersama antara majikan dan PDA, berdasarkan penetapan undang-undang perburuhan yang berkaitan atau melalui Memorandum Persefahaman (MoU). MoU berkaitan penggajian PDA yang masih berkuat kuasa adalah seperti berikut:

Memorandum of Understanding between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Indonesia on the Employment and Protection of Indonesian Domestic Migrant Workers in Malaysia, 1 April 2022.

Memorandum of Understanding between the Government of Malaysia and the Government of the Kingdom of Cambodia on the Recruitment and Repatriation of Domestic Workers, 27 Mac 2023.

Permohonan kelulusan awal penggajian bagi PDA Indonesia hendaklah diuruskan melalui APS yang berdaftar di bawah Jabatan melalui sistem ePPAx mulai 4 Januari 2024. Manakala permohonan kelulusan awal penggajian PDA dari negara sumber lain seperti Filipina, Cambodia, Thailand, Vietnam, Sri Lanka, India, Nepal dan Laos boleh dimohon oleh majikan sendiri atau menggunakan perkhidmatan APS yang berdaftar dengan Jabatan. Jadual 19 menunjukkan status permohonan PDA yang diterima sepanjang tahun 2025.

Jadual 19 : Status permohonan PDA yang diterima bagi tahun 2025.

STATUS PERMOHONAN	JUMLAH KESELURUHAN	
	BILANGAN	PERATUS
Dikendali	31,851	100.00
Selesai	31,704	99.54
Dalam Tindakan	147	0.46
Diluluskan	24,908	78.56
Ditolak	5,346	16.86
Dibatalkan	1,450	4.57


Sumber : JTKSM

Jadual 19 menunjukkan statistik permohonan PDA bagi tahun 2025. Secara keseluruhannya, 31,851 permohonan telah dikendalikan oleh Jabatan. Jumlah permohonan yang telah diselesaikan adalah 31,704 permohonan atau 99.5 peratus manakala 147 permohonan atau 0.5 peratus dalam tindakan Jabatan.

PAMPASAN PEKERJA ASING

Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA) merupakan skim insurans yang menyediakan perlindungan kepada pekerja asing sekiranya berlaku bencana kerja atau penyakit yang berpunca daripada pekerjaan. Skim ini dilaksanakan di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 [Akta 273] yang masih dikuatkuasakan oleh Jabatan. Bermula 1 Januari 2019, semua pekerja asing yang memiliki Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang sah diwajibkan mendaftar dan mencarum di bawah Skim Bencana Kerja (SBK) selaras dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4]. Sehubungan itu, Jabatan hanya menguruskan pembayaran pampasan kepada pekerja asing yang terlibat dalam bencana kerja berdasarkan taksiran yang telah dibayar oleh pihak insurans di bawah SPPA. Paparan 22 menunjukkan sehingga Disember 2025, Jabatan telah mengurangkan baki deposit kepada RM141,838.64 berbanding RM2,676,123.29 pada tahun 2024.

Paparan 22: Baki akaun deposit bagi tahun 2024 dan 2025



Sumber : JTKSM

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong.

The background features a white space with abstract red geometric shapes in the top-left and bottom-right corners. A pattern of dots, ranging from small to large, is scattered across the right side and bottom, with a concentration of larger dots in the bottom-right area.

PROMOSI

JTKSM DI MEDIA

Sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2025, JTKSM telah memperkukuh kehadiran dan keterlibatan strategik di platform media sebagai sebahagian daripada usaha mempertingkatkan ketelusan, penyampaian maklumat serta keyakinan awam terhadap peranan dan fungsi Jabatan. Liputan media yang berterusan ini turut menyokong agenda advokasi perburuhan serta penyebaran maklumat berkaitan dasar, penguatkuasaan dan inisiatif Jabatan kepada pemegang taruh.

Dalam tempoh pelaporan, **JTKSM merekodkan sebanyak 82 liputan media dalam talian** dan **70 keratan akhbar** yang mencerminkan tahap keterlibatan media yang konsisten serta keberkesanan strategi komunikasi Jabatan dalam menyampaikan mesej utama berkaitan perlindungan hak pekerja, pematuhan undang-undang buruh dan aktiviti penguatkuasaan perburuhan.

Pencapaian ini mengukuhkan peranan JTKSM sebagai sumber rujukan berautoriti dalam isu perburuhan di samping menyumbang kepada pembentukan persepsi awam yang positif serta menyokong agenda pemerkasaan ekosistem perburuhan negara secara menyeluruh.



PENERBITAN

JTKSM komited dalam menyebarkan pendidikan perburuhan kepada majikan dan pekerja. Bagi menyokong usaha tersebut, Jabatan telah menerbitkan pelbagai bahan pendidikan perburuhan yang boleh diakses melalui portal rasmi Jabatan. Inisiatif ini selaras dengan Pelan Strategik JTKSM 2021–2025 di bawah Kluster 1: Peneraju Penguatkuasaan Perburuhan Negara, Strategi 03: Memperkasakan Masyarakat Melalui Penyampaian Pendidikan Perburuhan yang Mampan. Selain itu, Jabatan turut menerbitkan risalah berkaitan perlindungan dan hak pekerja untuk diedarkan kepada orang awam, sama ada semasa program yang dianjurkan oleh Jabatan mahupun melalui kerjasama dengan agensi luar.

BUKU



BULETIN



INFOGRAFIK



PROGRAM PENDIDIKAN PERBURUHAN

Pada tahun 2025, jumlah pelaksanaan Program Pendidikan Perburuhan menunjukkan sebanyak **222 program berjaya dianjurkan** yang merangkumi **118 program anjuran Jabatan dan 104 program kolaborasi bersama rakan strategik**.

Program pendidikan perburuhan ini mencerminkan usaha berterusan **JTKSM dalam memperkukuh pemahaman dan kemahiran golongan sasaran terhadap dasar serta undang-undang perburuhan**. Inisiatif ini secara langsung membantu meningkatkan kecekapan pengendalian operasi dalam sesebuah perusahaan.

Walaupun media sosial merupakan medium penting dalam penyebaran maklumat, program secara bersemuka tetap memainkan peranan signifikan. Melalui sesi fizikal, peserta dapat berinteraksi secara langsung dengan penceramah bagi mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci serta panduan yang tepat. Selain itu, pendekatan ini membantu mengukuhkan hubungan dan membuka peluang kerjasama antara agensi kerajaan dan golongan sasaran.

Program pendidikan perburuhan ini akan diteruskan dan diperkukuh pelaksanaannya setiap tahun bagi memastikan maklumat berkaitan undang-undang perburuhan terkini dapat disampaikan secara komprehensif kepada semua pihak khususnya pekerja dan majikan.



KHIDMAT NASIHAT PERBURUHAN

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2025, JTKSM terus memperkukuh peranan strategiknya sebagai pusat rujukan nasional dalam hal ehwal perburuhan melalui penyampaian perkhidmatan Khidmat nasihat perburuhan yang cekap, responsif dan berimpak tinggi. Perkhidmatan ini menjadi saluran utama interaksi dua hala antara Jabatan dengan majikan, pekerja serta orang awam dalam memastikan kefahaman dan pematuhan terhadap undang-undang perburuhan negara.

Sepanjang tempoh pelaporan, sebanyak **17,554 panggilan telefon dan 15,600 e-mel telah diterima dan ditangani secara sistematik**. Ini mencerminkan tahap kebergantungan pemegang taruh terhadap fungsi khidmat nasihat Jabatan. Keupayaan Jabatan dalam mengurus jumlah pertanyaan yang tinggi secara berkesan telah menyumbang kepada pencapaian **89,468 maklum balas pelanggan**, dengan kadar kepuasan perkhidmatan pelanggan, mencecah **99.9 peratus**.

Pencapaian ini menzahirkan kecekapan tadbir urus perkhidmatan JTKSM serta keberkesanan strategi penyampaian perkhidmatan berfokuskan pelanggan, selaras dengan aspirasi pemerksaan ekosistem perburuhan yang mampan, berdaya saing dan berteraskan pematuhan undang-undang.



KUNJUNGAN HORMAT

Kunjungan hormat merujuk kepada satu bentuk lawatan rasmi yang diadakan sebagai tanda penghormatan serta usaha untuk mengeratkan hubungan antara pihak berkepentingan dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Ia lazimnya melibatkan pertemuan rasmi antara wakil organisasi, institusi atau pihak industri dengan pengurusan tertinggi atau pegawai berkaitan.

Dalam konteks pelaksanaannya oleh JTKSM, kunjungan hormat berfungsi sebagai platform komunikasi dua hala yang membolehkan pertukaran maklumat, pandangan serta pengalaman berkaitan hal ehwal tenaga kerja. Melalui sesi ini, pelbagai perkara dapat dibincangkan termasuk dasar perburuhan, pematuhan undang-undang, kebajikan pekerja serta isu-isu semasa dalam sektor pekerjaan.

Selain itu, kunjungan hormat juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara JTKSM dan pihak luar, sama ada daripada sektor awam, swasta mahupun institusi pendidikan. Hubungan yang terjalin melalui inisiatif ini dapat membuka ruang kepada kolaborasi yang lebih berkesan dalam usaha meningkatkan kualiti pengurusan tenaga kerja di Malaysia.





**LAPORAN
EKSKLUSIF**

PEMATUHAN PERINTAH GAJI MINIMUM 2024

Perintah Gaji Minimum di Malaysia mula diperkenalkan pada tahun 2013, di bawah kawal selia Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732]. Ia bertujuan untuk melindungi pekerja daripada eksploitasi majikan, memastikan pendapatan mencukupi bagi menampung keperluan asas, dan meningkatkan taraf hidup. Berkuatkuasa sepenuhnya pada 1 Ogos 2025, kadar gaji minimum baharu dinaikkan kepada RM1,700 sebulan di bawah Perintah Gaji Minimum 2024 (PGM 2024). JTKSM merupakan agensi yang menguatkuasakan PGM 2024 memandang serius dan tegas terhadap pematuhan perundangan tersebut. Ia dizahirkan melalui tindakan penguatkuasaan seperti pemeriksaan perburuhan berterusan dan operasi mengejut.

Pada 25 Oktober 2025, operasi mengejut telah dilaksanakan di sekitar Cyberjaya, Selangor yang diketuai oleh YB Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad, Timbalan Menteri Sumber Manusia. Operasi tersebut turut dijalankan secara serentak dari 13 hingga 17 Oktober 2025 meliputi seluruh Semenanjung Malaysia, termasuk Wilayah Persekutuan Labuan. Penguatkuasaan diperhebat bagi memastikan semua majikan melaksanakan pembayaran gaji minimum seperti yang ditetapkan di bawah PGM 2024.

Sepanjang tempoh pelaksanaan tersebut, daripada keseluruhan 3,924 majikan yang terlibat dalam aktiviti pemeriksaan, sebanyak 3,719 majikan (94.8%) didapati patuh manakala 205 majikan (5.2%) tidak patuh terhadap pelaksanaan PGM 2024.

Berdasarkan semakan terhadap majikan yang tidak patuh, seramai 683 pekerja didapati tidak menerima gaji minimum mengikut kadar yang ditetapkan. Tindakan perundangan telah diambil terhadap majikan terlibat dengan membuka kertas siasatan di bawah Akta 732. Aktiviti pemeriksaan memberi tumpuan kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta sektor perkhidmatan yang meliputi sub sektor peruncitan, pembersihan dan kawalan keselamatan yang dikenal pasti berisiko terhadap isu pematuhan gaji minimum.

Majikan yang didapati bersalah dan gagal mematuhi PGM 2024 boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap pekerja. Selain itu, Mahkamah Buruh boleh memerintahkan majikan untuk membayar kepada setiap pekerja perbezaan antara kadar gaji minimum dengan gaji pokok yang telah dibayar.

Jabatan akan terus mempergiatkan pemantauan dan pemeriksaan bagi memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap pelaksanaan Perintah Gaji Minimum dan seterusnya meningkatkan perlindungan kebajikan pekerja di seluruh negara.



BURUH PAKSA

PENGUATKUASAAN DALAM MEMBANTERAS BURUH PAKSA DI BAWAH AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN (ATIPSOM) 2007 [AKTA 670]

Jabatan terus mengukuhkan peranannya sebagai tonggak utama negara dalam membanteras isu pemerdagangan orang dan buruh paksa. Berpaksikan Akta 670 serta komitmen terhadap piawaian antarabangsa ILO, Jabatan telah menunjukkan prestasi luar biasa yang memacu Malaysia ke tahap yang lebih tinggi di persada global.

Malaysia telah menunjukkan trend pemulihan positif apabila beralih daripada status negara yang dipantau rapi (*Tier 3*) kepada negara yang diiktiraf mempunyai usaha signifikan (*Tier 2*) dalam tempoh lima (5) tahun bermula 2021 hingga 2025. Penganugerahan sijil penghargaan atas sumbangan bermakna dalam meningkatkan kedudukan Malaysia ke Penarafan *Tier 2* dalam Laporan Tahunan mengenai Pemerdagangan Orang (*U.S TIP Report*) daripada Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) Tahun 2025 adalah hasil daripada penguatkuasaan yang tegas dan konsisten. Pengiktirafan ini mencerminkan keberkesanan strategi Jabatan dalam mengimbangi aspek penguatkuasaan dengan perlindungan hak asasi pekerja.

Pelantikan pakar *Victim Identification Champion (VIC)* bagi memastikan mangsa eksploitasi dikenal pasti dengan lebih efisien, kapasiti kepakaran dalaman Jabatan terus diperkasakan. Seramai 21 warga kerja JTKSM telah ditauliahkan sebagai VIC, menjadikan jumlah keseluruhan pakar pengecam mangsa kini mencecah 25 orang. Kumpulan pakar ini bertindak sebagai barisan hadapan dalam mengesan indikator buruh paksa yang kompleks.

Pelantikan ini telah diraikan dalam Majlis Sambutan Hari Antipemerdagangan Orang Sedunia pada 10 November 2025 di Putrajaya. Sijil penghargaan dan pelantikan tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri. YB Menteri Dalam Negeri turut menyifatkan pelantikan pakar VIC ini sebagai elemen penting dalam menjayakan Pelan Tindakan Kebangsaan iaitu Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (*National Action Plan on Trafficking in Person - NAP TIP*) dan Pelan Tindakan Nasional Berhubung Buruh Paksa (*National Action Plan on Forced Labour - NAPFL*).

PROGRAM JERAYAWARA PENCEGAHAN EKSPLOITASI PEKERJA : KE ARAH SIFAR BURUH PAKSA 2030

Jerayawara Zon Timur & Zon Utara

Sebagai sebuah agensi peneraju dalam perlindungan tenaga kerja negara, Jabatan terus memperkukuh komitmen nasional terhadap usaha membanteras buruh paksa melalui pelaksanaan Program Jerayawara Pencegahan Eksploitasi Pekerja: Ke Arah Sifar Buruh Paksa 2030. Siri jerayawara ini digerakkan merentasi dua (2) zon strategik iaitu Zon Timur dan Zon Utara yang melibatkan kawasan industri utama, komuniti pekerja, lokasi perladangan, pusat komersial serta laluan mobiliti pekerja. Pelepasan konvoi dimulakan di Ibu Pejabat JTKSM, Putrajaya dengan kehadiran pimpinan tertinggi Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Pelaksanaan jerayawara ini mengambil pendekatan lapangan yang lebih inklusif dan dekat dengan masyarakat. Ini membolehkan penyampaian mesej kesedaran dan pendidikan pencegahan buruh paksa dilakukan secara bersemuka, interaktif dan komprehensif. Selain daripada sasaran kelompok majikan dan pekerja, jerayawara ini turut diperluaskan kepada pihak industri, pelajar, pencari kerja, pertubuhan bukan kerajaan serta komuniti setempat. Pendekatan inklusif ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan advokasi, tetapi turut memperkasakan kedudukan Jabatan sebagai institusi rujukan dalam standard pematuhan buruh di Malaysia.



Jerayawara Zon Timur (Putrajaya – Temerloh, Pahang – Kuantan, Pahang) 16 – 17 April 2025

Jerayawara Zon Timur melibatkan penyertaan bersepadu Ibu Pejabat JTKSM, JTK Pahang, JTK Terengganu dan JTK Kelantan. Ia disertai lebih daripada 250 peserta pelbagai Jabatan dan agensi di dalam dan di luar KESUMA. Penglibatan media juga telah memperlihatkan kesepaduan yang kukuh dalam membawa agenda pencegahan buruh paksa ke lapangan.

Antara pengisian dalam program jerayawara ini adalah seminar berskala besar yang menghimpunkan seramai 350 peserta daripada pelbagai latar belakang seperti sektor awam, majikan swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pekerja. Dalam sesi pengisian seminar pula, telah diadakan sesi pembentangan kertas kerja oleh MAPO, JTKSM dan SD Guthrie di mana isu-isu dibentangkan melibatkan isu semasa seperti Laporan *US TIP* 2024, indikator buruh paksa, mekanisme penguatkuasaan oleh agensi ATIPSOM serta cabaran *Withhold Release Orders* (WRO) oleh *United States Customs and Border Protection* (US CBP) terhadap syarikat Malaysia. Seminar ini bukan sahaja memperkukuh kesedaran, tetapi turut mempertingkatkan pemahaman peserta terhadap tanggungjawab sosial korporat, risiko perdagangan antarabangsa dan tuntutan kepatuhan global.



Jerayawara Zon Utara (Ipoh, Perak – Seberang Jaya, Pulau Pinang – Jitra, Kedah – Kangar, Perlis) 23 – 26 Mei 2025

Jerayawara Zon Utara dilaksanakan dalam skala yang lebih luas melibatkan usaha bersepadu Ibu Pejabat JTKSM, JTK Perak, JTK Pulau Pinang, JTK Kedah dan JTK Perlis yang melibatkan aktiviti merentasi empat negeri Zon Utara. Program bermula di Ipoh Parade Mall dengan kehadiran Ketua Pengarah serta pegawai kanan JTKSM, agensi-agensi kerajaan dan pengamal media sebelum konvoi dilepaskan menuju Pasaraya Lotus Seberang Jaya, Pulau Pinang. Program kesedaran buruh paksa di Ipoh Parade Mall, Ipoh berjaya mendekati 200 peserta yang terdiri daripada pelajar, belia, dan pemimpin masyarakat. Melalui kerjasama JTKSM dan Kerajaan Negeri Perak, sesi Dialog Cakna Buruh Paksa serta pelancaran konvoi ini diadakan secara santai di pusat komersial bagi memastikan mesej hak pekerja sampai terus kepada golongan sasaran dengan lebih berkesan.

Program di Seberang Jaya, Pulau Pinang pula telah dihadiri oleh 200 wakil industri dan sektor awam. Sesi ini memfokuskan kepada indikator buruh paksa ILO, tadbir urus pengambilan pekerja asing, serta perkongsian realiti pematuhan global oleh pemain industri. Program diteruskan melalui kunjungan lapangan di Jitra, Kedah dan Kuala Perlis bagi menyebarkan advokasi secara langsung kepada pekerja serta komuniti setempat melalui edaran risalah dan sesi interaksi lapangan.

Jerayawara Zon Utara ini diakhiri dengan Seminar "Hindari Menjadi Mangsa *Job Scam*" di Kangar, Perlis yang merupakan kolaborasi antara PDRM, JTKSM dan PERKESO. Program penutup ini menekankan aspek perlindungan sosial serta keselamatan pencari kerja daripada ancaman jenayah pekerjaan. Secara keseluruhan, inisiatif Jerayawara ini berjaya memperkukuh sinergi antara kerajaan dan masyarakat dalam usaha menangani eksploitasi buruh serta memperkasakan ekosistem perburuhan yang lebih selamat dan kompetitif.



IMPAK KESELURUHAN JERAYAWARA & SEMINAR PENCEGAHAN EKSPLOITASI PEKERJA 2025

Gabungan pelaksanaan Jerayawara Zon Timur dan Zon Utara membuktikan keberkesanan strategi advokasi lapangan Jabatan. Secara keseluruhan, inisiatif jerayawara ini berjaya:



Menghimpun lebih **850 peserta seminar** merentasi dua zon.



Mengeratkan kerjasama antara kerajaan persekutuan, negeri dan sektor swasta.



Mengukuhkan hubungan kerja antara JTKSM, industri, NGO, agensi kerajaan, pelajar dan masyarakat umum.



Meningkatkan kesedaran mengenai risiko WRO dan kepentingan pematuhan standard buruh antarabangsa.



Menyantuni ribuan orang awam melalui edaran risalah dan sesi penerangan di pusat komersial sekitar 300 orang.



Memperkasa pemahaman pekerja dan majikan terhadap indikator buruh paksa dan mekanisme penyaluran aduan.

Jerayawara ini membawa mesej yang konsisten bahawa Malaysia komited menuju sifar buruh paksa menjelang 2030 serta meningkatkan penarafan negara kepada *Tier 1 U.S TIP Report* melalui pelaksanaan dasar yang berkesan, tindakan penguatkuasaan yang tegas dan usaha pendidikan berterusan kepada masyarakat

UNDANG-UNDANG PERBURUHAN DIPERKASA : “MENJAGA KEBAJIKAN PEKERJA GIG”

Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872] telah diperkenalkan untuk memberi perlindungan perburuhan asas kepada pekerja gig. Akta ini telah diluluskan di Parlimen pada 9 September 2025 dan diwartakan pada 31 Disember 2025. Tarikh kuat kuasa Akta ini masih belum ditentukan. Penandaarasan perundangan bagi penggubalan Akta ini melibatkan 15 buah negara iaitu Filipina, United Kingdom, Singapura, Jepun, Vietnam, Indonesia, Thailand, Amerika Syarikat, Perancis, Sepanyol, Chile, Afrika Selatan, Australia, India dan China.

Paparan 23 : Liputan kandungan Akta 872.



Bagi mendapatkan maklum balas yang komprehensif dalam pengubalan Akta ini, sebanyak 37 sesi libat urus telah diadakan bersama Kementerian, Agensi Persekutuan, Agensi Negeri, Kerajaan Negeri Sabah, Kerajaan Negeri Sarawak, Penyedia Platform, Bukan Penyedia Platform (*Non-Platform*), Persatuan Pekerja Gig & Kesatuan Sekerja, pekerja-pekerja gig serta majikan. Seramai 3,873 peserta telah terlibat dan sebanyak 485 maklum balas telah diterima.

01

Enam Sesi Libat Urus Melibatkan Zon Tengah, Utara, Selatan, Timur, Sabah & Sarawak

(Januari - Mei 2025)

02

Bengkel Proses Kerja dan Garis Panduan

(7 - 9 Oktober 2025)

03

Bengkel Pengubalan Perundangan Subsidiari Siri 1/2025

(13 - 16 Oktober 2025)

04

Bengkel Pengubalan Perundangan Subsidiari Siri 2/2025

(10 - 13 November 2025)

05

Seminar RUU Pekerja Gig bersama warga KESUMA

(8 Disember 2025)

Jabatan merupakan ahli pasukan KESUMA dalam pengubalan Akta 872 serta memainkan peranan secara langsung dalam pelaksanaan dan penguatkuasaannya. Pengubalan Akta ini membuka lembaran baharu dalam perkembangan landskap ekonomi digital di negara ini.



PENGANJURAN 14TH ASEAN LABOUR INSPECTION CONFERENCE (14TH ALIC)

Jabatan telah melakar sejarah di persada antarabangsa apabila berjaya menganjurkan *14th ASEAN Labour Inspection Conference* (14th ALIC) pada 28 hingga 29 Oktober 2025 di Hotel Eastern & Oriental, Pulau Pinang. Persidangan berprestij ini telah dirasmikan oleh YB Encik Zairil Khir Johari, EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital Kerajaan Negeri Pulau Pinang, yang mewakili YB Menteri Sumber Manusia. Penganjuran persidangan ini menzahirkan komitmen dan peranan aktif Jabatan sebagai *focal point* ALICOM, juga bersempena dengan Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 dalam memperkukuh kerjasama serantau berkaitan pemeriksaan perburuhan.

Persidangan pada kali ini mengangkat tema “*The Sustainability of Employees’ Accommodation and Amenities is a Tribute to Human Dignity and Equality*”, selaras dengan komitmen Malaysia untuk menjadikan kerangka perundangan negara berkaitan penginapan dan kemudahan pekerja sebagai rujukan terbaik yang boleh dikongsi serta dimanfaatkan bersama negara-negara anggota ASEAN yang lain.

Seramai 150 pemeriksa buruh telah menyertai persidangan ini yang terdiri daripada wakil negara anggota ASEAN kecuali Vietnam dan Timor-Leste. Turut serta dalam persidangan ini adalah wakil-wakil daripada rakan sosial dan pelbagai organisasi antarabangsa, antaranya:

ASEAN Secretariat

*ASEAN Services Employees
Trade Union Council (ASETUC)*

*International Association of
Labour Inspection (IALI)*

*ASEAN Confederation of
Employees (ACE)*

*International Organization for
Migration (IOM)*

*Malaysian Employers’
Federation (MEF)*

*Malaysian Trade Union
Congress (MTUC)*

Setiap negara anggota ASEAN dan rakan sosial berpeluang membentangkan dasar, piawai dan amalan terbaik berhubung aktiviti pemeriksaan perburuhan berkaitan penginapan pekerja menerusi slot perbincangan panel dan perbincangan berkumpulan berdasarkan topik-topik yang telah ditugaskan.

Lawatan ke Emblem Residence, *Centralised Labour Quarters* (CLQ) merupakan salah satu pengisian signifikan yang memberi pendedahan secara langsung kepada para peserta terhadap penyediaan kemudahan dan penginapan pekerja di negara ini. Selain itu, *networking dinner* turut dianjurkan bagi memperkukuh hubungan serta jaringan strategik antara para peserta.

Persidangan ini telah berjaya menghasilkan *Conclusion and Recommendations of the 14th ALIC* berdasarkan tema persidangan di mana ianya boleh diguna pakai oleh setiap negara anggota ASEAN dalam mengaplikasi dan melaksanakan pemeriksaan buruh khususnya berkaitan penginapan pekerja di negara masing-masing. Pada akhir persidangan, Filipina telah diumumkan sebagai tuan rumah untuk persidangan *15th ALIC* pada tahun 2026.



PENGANJURAN 5TH ASEAN LABOUR INSPECTION COMMITTEE MEETING (ALICOM)

Pada 30 Oktober 2025, buat julung kalinya Jabatan telah berjaya menganjurkan *5th ASEAN Labour Inspection Committee Meeting (ALICOM)*. Mesyuarat ini telah diadakan di Hotel Eastern & Oriental, Pulau Pinang dan dihadiri *ALICOM Focal Points* daripada negara-negara anggota ASEAN iaitu Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Timor-Leste dan Sekretariat ASEAN. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Hj Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah JTKSM.

Tujuan mesyuarat diadakan antaranya adalah untuk membincangkan status pelaksanaan program-program perburuhan yang dirancang oleh negara-negara ASEAN berdasarkan *ALICOM Work Plan 2022-2030*. Mesyuarat ini melakar sejarah apabila Timor-Leste buat pertama kalinya terlibat dalam ALICOM sebagai negara anggota ASEAN. Mesyuarat turut membincangkan bentuk kerjasama strategik bersama *International Labour Organization (ILO)* dan *International for Migration (IOM)* berkaitan isu pekerja migran dan *Decent Work Agenda*.

Jabatan menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua negara anggota ASEAN atas penglibatan aktif dan berharap agar pelaksanaan *ALICOM Work Plan 2022-2030* dapat dijayakan dengan efektif. Usaha ini diharapkan dapat terus memperkukuh kerjasama serantau dalam memastikan ASEAN mampu menangani isu-isu perburuhan secara progresif, inklusif dan berkesan.



PENGGAJIAN KANAK-KANAK

Pada 18 hingga 19 November 2025, Sekretariat ASEAN dengan kerjasama Kementerian Buruh Thailand dan ILO telah menganjurkan Bengkel *ASEAN Roadmap for the Prevention of Child Labour, Including the Elimination of the Worst Forms of Child Labour by 2035*. Puan Nazatulsima binti Che Hassan, Timbalan Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik dan Puan Nurul Anyza binti Mohamad Fauzi, Penolong Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik mewakili Jabatan selaku *Focal Point ALICOM* telah hadir ke bengkel tersebut.

Seramai 124 orang peserta terdiri daripada wakil badan-badan sektoral ASEAN, pertubuhan pekerja dan majikan, Pertubuhan Belia ASEAN, masyarakat sivil serta agensi-agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menghadiri bengkel ini secara fizikal dan dalam talian.

Objektif utama penganjuran bengkel ini adalah seperti berikut:

“

Melancarkan *Post-2025 ASEAN Roadmap for the Prevention of Child Labour, Including the Elimination of the Worst Forms of Child Labour*.

“

Meningkatkan pemahaman dan kerjasama Negara-Negara Anggota ASEAN serta pihak berkepentingan mengenai keutamaan, pelaksanaan dan pemantauan Pelan Hala Tuju ASEAN.

“

Mengadakan sesi dialog, perkongsian pengetahuan dan penyelarasan antara badan sektoral ASEAN serta pihak berkepentingan.

”

“

Menggalakkan penglibatan serta pemilikan pihak berkepentingan, termasuk belia, pertubuhan masyarakat sivil, sektor swasta dan organisasi antarabangsa.

”

”

”

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah menyaksikan pelancaran *roadmap* yang baharu bagi menangani isu buruh kanak-kanak menjelang 2035. Bengkel ini merupakan satu platform kepada Negara-Negara Anggota ASEAN dan badan-badan sektoral untuk memahami dengan lebih jelas berhubung pelaksanaan dalam menjayakan *roadmap* tersebut.



Press Release, Child Labour Workshop and Launch



ASEAN Inter-Sectoral Workshop and Launching of the ASEAN Roadmap for the Prevention of Child Labour Including the Elimination of the Worst Forms of Child Labour by 2035
 18 - 19 November 2025, Bangkok, Thailand and Virtual



BANGKOK, 18 November 2025 – The Association of Southeast Asian Nations (ASEAN), with support from the



PENGURUSAN PENTADBIRAN

PENGURUSAN KEWANGAN

Penyampaian perkhidmatan Jabatan berpaksikan kecekapan pengurusan sumber manusia dan kewangan bagi memenuhi ekspektasi pelanggan serta pihak berkepentingan. Dalam usaha memperkasakan peranan Jabatan, pelbagai inisiatif strategik telah dilaksanakan secara optimum berdasarkan agihan peruntukan yang diterima.

Bagi tahun 2025, Jabatan telah menguruskan peruntukan mengurus sebanyak RM78,100,842.24 dan peruntukan pembangunan berjumlah RM8,269,541.80. Prestasi perbelanjaan menyaksikan jumlah RM78,605,985.08 juta bagi pengurusan dan RM8,095,873.94 bagi pembangunan telah dimanfaatkan. Pengurusan kewangan yang strategik ini menjadi pemangkin utama dalam merealisasikan visi, misi, dan objektif Jabatan yang telah digariskan.

Paparan 24 : Peruntukan Mengurus dan Pembangunan serta Perbelanjaan Jabatan bagi tahun 2025.



PERUNTUKAN MENGURUS

RM78,100,842.24



PERBELANJAAN

RM78,605,985.08

PERATUS BELANJA
= 100.65%



PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

RM8,269,541.80



PERBELANJAAN

RM8,095,873.94

PERATUS BELANJA
= 97.9%

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

LATIHAN

JTKSM sentiasa komited dalam memikul tanggungjawab bagi memastikan Jabatan kekal sebagai institusi yang dipercayai, disegani dan berintegriti.

Jabatan meletakkan keutamaan tinggi terhadap pemerkasaan modal insan demi membentuk warga kerja yang bukan sahaja mahir dan berpengetahuan, malah memiliki sahsiah terpuji yang selaras dengan aspirasi serta peranan Jabatan. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 44 program latihan telah berjaya dilaksanakan merangkumi pelbagai kluster kritikal seperti pengukuhan undang-undang perburuhan, pemantapan siasatan kes pemerdagangan orang, pengurusan tadbir urus dan integriti serta adaptasi teknologi digital dan Kecerdasan Buatan (AI).

Inisiatif ini membuktikan komitmen JTKSM dalam memperkukuh kecekapan warga Jabatan demi penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.





PENYERTAAN WARGA JABATAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Selain siri latihan dalam negara, Jabatan secara proaktif menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai badan antarabangsa bagi mendedahkan pegawai Jabatan kepada amalan terbaik serta kepakaran di peringkat global. Sepanjang tahun 2025, sebanyak tujuh (7) program dan latihan luar negara telah dihadiri oleh pegawai-pegawai bagi memperkukuh kapasiti Jabatan dalam mendepani isu-isu perburuhan antarabangsa.

Daripada jumlah tersebut, empat (4) program merupakan kursus jangka pendek di bawah peruntukan *one-off* Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang dijalankan di *International Training Centre (ITC-ILO)*, Turin, Itali. Program-program ini memfokuskan kepada piawaian buruh antarabangsa, sistem maklumat pasaran buruh, serta pengurusan pemeriksaan tempat kerja.

Jabatan juga telah menerima penajaan daripada *Japan International Cooperation Agency (JICA)* untuk menghantar dua (2) pegawai menyertai Kursus *Business and Human Rights (BHR)* di Tokyo, Jepun dan Kursus *Labour Policy of Migrant Workers and Career Development Support for Returnees* di Kobe, Jepun. Penglibatan pegawai dalam kursus ini dapat memberikan pendedahan yang lebih luas terhadap cabaran dan pelaksanaan BHR serta pengurusan pekerja asing, di samping memperkukuh perkongsian amalan pengurusan perburuhan dan perundangan di negara ini.

Selain itu, Jabatan turut menghantar pegawai mengikuti program pembangunan eksekutif serta bengkel peringkat ASEAN bagi membincangkan hala tuju perlindungan pekerja migran dan pembasmian buruh kanak-kanak. Penyertaan ini amat penting bagi memastikan Kerajaan Malaysia (khususnya KESUMA) sentiasa kompeten dalam menyuarakan pendirian negara di samping memastikan pentadbiran buruh domestik selari dengan piawaian global.





PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Pegawai dan kakitangan Jabatan memainkan peranan penting sebagai aset utama dalam memastikan kelancaran operasi Jabatan serta pencapaian keperluan dan kepuasan pelanggan. Sehubungan itu, sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap prestasi kerja yang cemerlang serta sumbangan berterusan dalam perkhidmatan awam, seramai 83 orang warga Jabatan telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2024.

WP PUTRAJAYA



- Nur Hazwani binti Othman
- Nurul Ismi binti Che Hamid
- Suraya binti Sulaiman
- Zahrahtul Najihah binti Haji Razi
- Adam bin Abd Malik
- Norhazlina binti Muhammad Nazir
- Anita binti Atan
- Nor Suzianti binti Zainal
- Syarifah Wati binti Syed Mohamad
- Abihurairah binti Razali
- Mohd Sharuddin bin Yaacob
- Megat Ahmad Termizi bin Abd. Samad

SELANGOR



- Mahadi bin Kasdi
- Emarlisa Hanna binti Mahat
- Fatin Nabilah binti Hasan
- Muhamad Hafiz bin Abd Hamid
- Nurul Atiqah binti Busman
- Nurul Nabila Ain binti Ibrahim
- R Ismail bin Baba
- Nor Aliza binti Salleh @ Shafei
- Suraya binti Senin
- Ameer Asyraf bin Azman
- Noor Saliza binti Abdul Shukor
- Roslan bin Ismail

WP KUALA LUMPUR



- Kennedy Kumar A/L Henry Manickam
- Pitriya Ismayanty binti Mohd Ishak
- Salwani binti Sajib
- Fauziah binti Mohd Nor
- Mohd. Hafiz bin Abd. Rahman

JOHOR



- Ramnath A/L Sathupathy
- Muhamad Zaidi bin Abdullah
- Farrah Emira binti Abdul Rahman
- Khalisah binti Mohamed @ Zawi
- Muhammad Halif Rizwaan bin Zorkan
- Rufezilah binti Ithnin
- Suharti binti Md Yusuff
- Syarifah Nur Fahizah binti Syed Sheith
- Mohd Zahiruddin bin Omar
- Mohd Firdaus bin Rosman

PERAK



- Mohamad Rosdi bin Mokni
- Nurul Zaharah binti Adenan
- Mohd Adnan bin Syed Mohamad Yusof @ Mohamed Yusof
- Muhammad Fadzlan bin Abdul Mutalib
- Nurulsyuhada binti Mohamad Hazir
- Juliza binti Abdul Aziz
- Hasan bin Ayoub
- Ahmad Yusri bin Hamberi
- Mohamad Lutfany bin Osman
- Mohd Anwar bin Salleh

PULAU PINANG



- Pezman bin Che Hussin
- Zunurain binti Othman
- Noor Hasyimah binti Zainal Aznam
- Rusni binti Sidek
- Nazirah Banu binti Mohamed Kassim
- Mohd Nazri bin Ghani

KEDAH



- Heriyati binti Mohamed Said
- Rusmawati binti Abdul Manaf
- Azimah binti Ramli
- Ahmad Humaizi bin Mahidin
- Hishamudin bin Harun
- Muhammad Suhail bin Abdul Razak

PAHANG



- Khodijah binti Abdul Hamid
- Putri Noor Tiara binti Che Yeo Megat
- Norhayati binti Abd Aziz
- Ety Darshila binti Shariff
- Marzila binti Che Yusoff

NEGERI SEMBILAN



- Shah Amirul Gautamaruban bin Abdullah
- Nur Hanis Nabila Nasution binti Hisham
- Rizan bin Aim
- Mohd Firdaus bin Abdul Rahman

MELAKA



- Nor Afraliza binti Muhamad Nazim
- Norizah binti Ahmad
- Zahidi bin Lamsah

TERENGGANU



- Hairunnizam bin Yahya
- Nurul Hanim binti Ismail
- Aini Nazira binti Mohamad Afandi
- Faradila binti Bidin

KELANTAN



- Wan Azmi bin Wan Ishak
- Che Roslina binti Che Razali
- Mohd Noor bin Abdullah

PERLIS



- Elliana binti Kamarudi

WP LABUAN



- Noribnas bin Herman

ANUGERAH PEJABAT TERBAIK

Anugerah ini merupakan salah satu inisiatif bagi mengiktiraf pejabat terbaik atas usaha, dedikasi, dan kegigihan dalam mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2024. Penilaian untuk pengiktirafan ini merangkumi pencapaian *Key Performance Indicator (KPI)* serta pengurusan pentadbiran Jabatan/pejabat. Penerima Anugerah Jabatan dan Pejabat Terbaik Tahun 2024 telah diumumkan semasa Mesyuarat Kajian Separuh Penggal JTKSM Tahun 2025 yang berlangsung pada 28 hingga 29 Julai 2025 di Hotel Wyndham Acmar Klang, Selangor.



JABATAN TENAGA KERJA NEGERI SEMBILAN



ANUGERAH JABATAN
TENAGA KERJA TERBAIK



Penghargaan turut diberikan kepada tiga (3) pejabat terbaik yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang mengikut kategori seperti berikut:

PEJABAT TENAGA KERJA JOHOR BAHRU

◆ JUMLAH *WORKLOAD* SETIAP
PTK LEBIH 5,000 SEBULAN ◆



PEJABAT TENAGA KERJA GEORGETOWN

◆ JUMLAH *WORKLOAD* SETIAP
PTK DI ANTARA 2,000
HINGGA 4,999 SEBULAN ◆



PEJABAT TENAGA KERJA KANGAR


◆ JUMLAH *WORKLOAD* SETIAP
PTK KURANG 2,000 SEBULAN. ◆




AMALAN KESELAMATAN KESIHATAN PEKERJAAN

Pada tahun 2025, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan JTKSM berjaya melonjakkan keupayaan dalaman Jabatan melalui pelaksanaan program berfokus yang memperkukuh kesiapsiagaan kecemasan, kemahiran menyelamatkan nyawa serta kesejahteraan warga kerja. Inisiatif ini boleh dilihat melalui pelaksanaan tiga (3) program utama yang membuktikan komitmen berterusan Jabatan dalam membudayakan tempat kerja yang selamat, sihat dan berdaya tahan.

Life-Saving Skills at Workplace: Basic Occupational First Aid, CPR & AED Course,
24–25 September 2025




**Emergency Ready: Kursus Pemantapan Pasukan ERT,
26-27 Ogos 2025**



FOKUS UTAMA

Tindak Balas Kecemasan dan Kebakaran di Tempat Kerja.

- Latihan simulasi kecemasan sebenar
- Pengendalian kebakaran & pemindahan selamat
- Pengukuhan koordinasi Pasukan ERT



IMPAK

- Pasukan ERT lebih cekap, yakin dan bersedia
- Risiko kecederaan dan kerosakan aset dapat diminimumkan
- Tindak balas kecemasan lebih pantas dan tersusun


JTKSM kini memiliki kumpulan 30 *first responder* dalaman yang mampu memberi bantuan awal sebelum ketibaan pasukan perubatan, meningkatkan peluang menyelamatkan nyawa di tempat kerja.




Seminar Pemerkasaan Sihat Sejahtera JTKSM + KESUMA telah dilaksanakan sebagai satu inisiatif strategik yang bertujuan memperkukuh kesedaran dan amalan kesejahteraan holistik dalam kalangan warga Jabatan. Seminar ini turut menjemput peserta dari agensi sahabat di bawah KESUMA. Program ini dirangka untuk menyokong pembangunan persekitaran kerja yang bukan sahaja selamat dari aspek fizikal, tetapi turut mengambil kira kesihatan mental, emosi dan keseimbangan kehidupan bekerja.

Pelaksanaan seminar ini mencerminkan komitmen berterusan Jabatan dalam memperkasakan modal insan selari dengan pendekatan *whole-of-organisation*, di samping menyokong agenda pembudayaan tempat kerja sihat dan mampan. Melalui perkongsian pengetahuan, kesedaran kesihatan dan interaksi antara agensi, seminar ini menjadi platform penting dalam memperkukuh kefahaman warga kerja bahawa kesejahteraan pekerja merupakan faktor utama kepada produktiviti, kecekapan serta kelestarian perkhidmatan awam.

Kolaborasi bersama KESUMA turut memperkukuh nilai tambah program ini dengan menawarkan perspektif pakar dan pendekatan bersepadu terhadap pemerkasaan kesihatan di tempat kerja. Secara keseluruhan, seminar ini menjadi pemangkin kepada pembentukan budaya kerja yang lebih prihatin, sejahtera dan berdaya tahan, sejajar dengan aspirasi Jabatan untuk melindungi kebajikan warga kerja dan meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.





**PENGURUSAN
TEKNOLOGI
MAKLUMAT**

PORTAL JABATAN

MEMPERKASA HAK PEKERJA MELALUI APLIKASI eADUAN@JTKSM

Dalam usaha memperkasakan perlindungan hak pekerja di Malaysia, Jabatan telah memperkenalkan aplikasi eAduan@JTKSM. Aplikasi tersebut merupakan modul tambahan di dalam Sistem ePPAx yang dapat diakses dan dimuat turun melalui *Google Play Store*.

Inisiatif ini merupakan satu langkah proaktif kerajaan dalam mendigitalisasikan perkhidmatan awam, sekali gus memudahkan golongan pekerja untuk menyalurkan sebarang isu berkaitan perburuhan tanpa perlu hadir secara fizikal ke Pejabat Tenaga Kerja pada peringkat awal. Aplikasi ini bertindak sebagai platform digital yang menghubungkan pekerja dengan Jabatan bagi memastikan keadilan dan kebajikan pekerja sentiasa terpelihara selaras dengan Akta 265.

Penggunaan platform eAduan@JTKSM menawarkan proses yang lebih sistematik, telus dan pantas. Melalui aplikasi yang disediakan, pengadu boleh mengemukakan maklumat terperinci mengenai pelanggaran terma kontrak perkhidmatan, kelewatan pembayaran gaji atau sebarang diskriminasi di tempat kerja secara dalam talian. Kelebihan utama aplikasi ini adalah keupayaannya untuk membolehkan pengadu memantau status aduan mereka secara masa nyata (*real-time*). Ia bukan sahaja menjimatkan masa dan kos pengangkutan malahan memberikan keyakinan kepada pengadu bahawa setiap laporan yang dikemukakan diproses mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Bagi memastikan keberkesanan siasatan, aplikasi ini dilengkapi dengan fungsi untuk memuat naik dokumen. Setiap pengadu boleh memuat naik dokumen sokongan yang lengkap seperti slip gaji, kontrak perkhidmatan atau bukti surat-menyurat semasa membuat laporan di aplikasi tersebut. Integriti maklumat adalah sangat kritikal dalam fasa ini bagi membantu siasatan terhadap aduan yang akan dijalankan oleh Jabatan.

Secara keseluruhannya, eAduan@JTKSM mencerminkan komitmen berterusan Jabatan dalam mengadaptasi teknologi demi kesejahteraan rakyat. Keberkesanan aplikasi ini sangat bergantung kepada kesedaran pekerja tentang hak mereka serta keberanian untuk tampil melaporkan sebarang ketidakadilan. Dengan adanya kemudahan di hujung jari ini, diharapkan ekosistem perburuhan akan menjadi lebih harmoni, produktif dan mematuhi standard perundangan antarabangsa, sekaligus memacu negara ke arah pembangunan ekonomi yang lebih inklusif.



PENAMBAHBAIKAN PROSES PERMOHONAN LESEN APS DARIPADA PERMOHONAN MANUAL KEPADA PERMOHONAN DALAM TALIAN

Projek ini merupakan inisiatif reformasi proses kerja Jabatan bertujuan untuk mendigitalkan sepenuhnya proses permohonan pelesenan APS. Sebelum ini, proses permohonan dijalankan secara manual. Hasil daripada inisiatif ini, permohonan kini boleh dikemukakan secara dalam talian sepenuhnya melalui sistem ePPAx. Sebanyak 10 modul permohonan pelesenan APS telah dibangunkan.

Paparan 25 : Modul permohonan pelesenan APS dalam sistem ePPAx



Transformasi proses daripada manual kepada dalam talian melalui sistem ePPAx telah memberikan manfaat termasuk:

- Kecekapan operasi: Mempercepatkan tempoh kelulusan dan menjimatkan kos operasi Jabatan.
- Pengurangan beban kerja: Mengurangkan beban kerja pegawai yang mengendalikan proses permohonan.
- Peningkatan kualiti perkhidmatan: Meningkatkan ketulusan proses kerja dan tahap kepuasan pengguna.
- Sokongan kerajaan digital: Inisiatif ini selaras dengan aspirasi Kerajaan Digital Madani dan menyokong usaha Jabatan untuk menjadi agensi buruh yang lebih moden, efisien dan responsif.

MEMPERKASA KELULUSAN AWAL PENGGAJIAN PEKERJA ASING DI BAWAH SEKSYEN 60K AKTA 265 MELALUI SISTEM ePPAx

Jabatan telah berjaya melaksanakan penambahbaikan proses kerja bagi Kelulusan Awal Penggajian Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta 265 melalui penggunaan sistem ePPAx. Projek ini bermatlamat untuk memudah cara urusan majikan dan mengurangkan karenah birokrasi yang sering melambatkan proses mendapatkan tenaga kerja asing atau ekspatriat. Penambahbaikan ini sejajar dengan usaha berterusan Jabatan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam negara. Empat (4) aspek utama yang signifikan dalam memperkasa permohonan Seksyen 60K adalah seperti Paparan 26.

Paparan 26 : Aspek utama dalam memperkasa Seksyen 60K Akta 265



Dengan penekanan kepada pendigitalan, integrasi sistem dan pengurangan tempoh masa pemprosesan, Jabatan telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menyediakan perkhidmatan yang cekap, telus dan responsif kepada keperluan industri.



**PERANCANGAN
STRATEGIK
JABATAN**

PELAN STRATEGIK JTKSM 2021–2025

Jabatan telah merangka Pelan Strategik JTKSM 2021–2025 (PS JTKSM) dengan penekanan terhadap perancangan yang lebih inklusif serta hala tuju yang jelas, selaras dengan fokus utama dan visi Jabatan iaitu “Peneraju Penguatkuasaan, Perundangan dan Pentadbiran Perburuhan Negara”. Pelan strategik ini diterjemahkan dalam bentuk pelan tindakan lima (5) tahun (2021–2025) bagi memastikan pelaksanaan inisiatif secara terancang dan berkesan. Pelan ini terdiri daripada tiga (3) kluster utama seperti di Paparan 27.

Paparan 27 : Kluster utama Pelan Strategik JTKSM 2021-2025



Seiring dengan landskap perburuhan yang sentiasa berkembang, PS JTKSM sebagai dokumen strategik yang dinamik akan sentiasa diperkemas melalui proses semakan dan penambahbaikan berterusan bagi memastikan keselarasan dengan keperluan semasa serta agenda pembangunan perburuhan negara.

Sehingga 31 Disember 2025, pelaksanaan PS JTKSM telah merekodkan prestasi yang memberangsangkan merentas ketiga-tiga kluster strategik. Daripada keseluruhan 31 KPI yang ditetapkan, 22 KPI telah berjaya mencapai sasaran, tujuh (7) KPI berada dalam fasa pelaksanaan, manakala dua (2) KPI masih dalam peringkat awal pelaksanaan.

Bagi Kluster 1, lapan (8) daripada 12 KPI telah mencapai sasaran yang ditetapkan, manakala baki empat (4) KPI sedang giat dilaksanakan. Kluster 2 pula merekodkan pencapaian 10 daripada 11 KPI, dengan satu (1) KPI masih dalam pelaksanaan. Sementara itu, bagi Kluster 3, terdapat empat (4) daripada lapan (8) KPI telah mencapai sasaran, dua (2) KPI sedang dilaksanakan secara berperingkat, manakala dua (2) KPI masih dalam perancangan pelaksanaan.

Secara keseluruhan, pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan Jabatan dalam meningkatkan pengurusan, penguatkuasaan dan penyampaian perkhidmatan buruh, sejajar dengan visi Jabatan. Hasil ini membolehkan Jabatan menilai semula pelan strategik secara dinamik, mempertingkatkan inisiatif yang belum terlaksana, dan memastikan pelan terus relevan, berimpak tinggi dan responsif terhadap cabaran pasaran buruh semasa.




PENCAPAIAN KPI JTKSM 2025

Pengurusan perburuhan dan aktiviti penguatkuasaan yang efektif merupakan tekad dan iltizam Jabatan dalam memenuhi keperluan pekerja, majikan, pemegang taruh dan pihak berkepentingan. Justeru, KPI merupakan medium yang digunakan dalam mengukur prestasi dan memantau keberkesanan aktiviti yang dijalankan.

Sasaran KPI yang telah ditetapkan bagi tahun 2025 adalah 10 aktiviti utama dan 23 sub-aktiviti dengan pencapaian keseluruhan sebanyak 94.2 peratus. Pemantauan prestasi adalah melalui tiga (3) peringkat, iaitu nasional, ibu pejabat dan negeri seperti di Paparan 28 manakala perincian pencapaian KPI mengikut aktiviti utama adalah seperti di Paparan 29.

Paparan 28 : Pencapaian keseluruhan KPI JTKSM tahun 2025



Sumber: JTKSM

PENCAPAIAN KPI TAHUN 2025

**Pendidikan
Perburuhan**

152.5%

**Pengendalian
Aduan**

97.7%

Penguatkuasaan

290.1%

Permit Perburuhan

97.1%

Pemeriksaan

102.9%

**Pengurusan Perakuan
Peningapan**

96.1%

Pelesenan APS

92.3%

Kes Buruh

94.0%

85.7%

**Permohonan
Pekerja Asing**

Sumber: JTKSM

MESYUARAT KAJIAN SEPARUH PENGGAL JTKSM TAHUN 2025

Mesyuarat Kajian Separuh Penggal [Mid-Term Review (MTR)] JTKSM telah diadakan pada 28 hingga 29 Julai 2025 bertempat di Hotel Wyndham Acmar, Klang. Seramai 22 pegawai yang terdiri daripada pegawai kanan JTKSM Ibu Pejabat dan Pengarah Negeri telah menyertai mesyuarat tersebut.

Tema bagi Mesyuarat MTR 2025 ialah “Reformasi Penguatkuasaan Perburuhan Merealisasikan Malaysia Madani”. Pemilihan tema ini adalah sejajar dengan usaha berterusan Jabatan untuk memperkukuh mekanisme penguatkuasaan undang-undang buruh melalui peningkatan kecekapan operasi, pemantapan integriti serta pengukuhan kerjasama strategik dengan pihak industri. Reformasi pula menekankan penyampaian perkhidmatan yang lebih responsif, penggunaan teknologi bagi meningkatkan pemantauan dan pematuhan serta perlindungan hak pekerja secara menyeluruh selaras dengan aspirasi Malaysia Madani. Objektif Mesyuarat MTR 2025 adalah seperti di Paparan 30.

Paparan 30 : Objektif MTR 2025

01

Menilai semula aktiviti dan sasaran kerja untuk separuh penggal kedua 2025.

02

Mencadangkan penambahbaikan aktiviti bagi mencapai sasaran kerja untuk separuh penggal kedua 2025.

03

Menghasilkan resolusi bagi mencapai KPI separuh penggal kedua 2025.



PERSIDANGAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JTKSM : HALA TUJU 2026

Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan JTKSM: Hala Tuju 2026 merupakan satu program tahunan Jabatan yang menghimpunkan pihak pengurusan tertinggi Jabatan bersama-sama dengan pegawai-pegawai kanan JTKSM daripada seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan. Persidangan ini telah diadakan selama tiga (3) hari bermula daripada 31 Oktober 2025 sehingga 2 November 2025 bertempat di Bertam Resort & Water Park, Pulau Pinang. Ia dihadiri oleh 68 orang pegawai yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi Jabatan, Pengarah dan Timbalan Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah-Pengarah Negeri, Penasihat Undang-Undang, Ketua Pejabat Cawangan, wakil daripada Unit Teknologi Maklumat serta Unit Data dan Analisis.

Fokus utama persidangan adalah bagi menetapkan hala tuju dan perancangan strategik Jabatan demi memastikan visi, misi dan objektif Jabatan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Tema persidangan pada kali ini ialah **“Norma Baharu Masa Hadapan: Transformasi Penguatkuasaan Demi Pekerjaan Bermaruah”**. Tema persidangan ini menekankan keperluan Jabatan agar lebih bersedia menghadapi perubahan landskap pekerjaan melalui pendekatan progresif dan inovatif. Tiga (3) teras utama seperti di Paparan 31.



Paparan 31 : Teras utama tema persidangan



Hasil utama persidangan telah memperaku dan bersetuju untuk menetapkan sepuluh (10) Resolusi yang menjadi pemangkin kepada pelan tindakan Jabatan seperti di Paparan 32.

Paparan 32 : Senarai resolusi yang ditetapkan bagi tahun 2026

01

Melaksana dan mencapai sasaran aktiviti utama KPI dan Arahan Pentadbiran yang ditetapkan.

02

Memperkuh penguatkuasaan melalui pendekatan yang lebih holistik dan berasaskan risikan maklumat, penggunaan teknologi serta latihan berterusan.

03

Membudayakan pendidikan perburuhan sebagai satu mekanisme penyaluran maklumat berterusan bagi meningkatkan pemahaman dan pematuhan undang-undang dalam kalangan majikan dan pekerja.

04

Memperluaskan perlindungan undang-undang perburuhan terhadap pekerja gig dan meningkatkan kesiapsiagaan pegawai dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang berkenaan.

05

Menyemak semula undang-undang perburuhan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Jabatan sentiasa relevan dan selaras dengan keperluan serta perkembangan semasa.

06

Mengukuh dan memperkasa proses dan prosedur kerja aktiviti Jabatan serta memperkasa penggunaan teknologi bagi memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan awam.

07

Memperkasa pendigitalan dan pemodenan dalam pelaksanaan tugas dan aktiviti Jabatan secara cekap untuk mendepani norma baharu masa hadapan.

08

Memantapkan pembangunan kapasiti dan kompetensi pegawai ke arah kepimpinan berintegriti dan pemikiran strategik bagi menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan dengan inovasi serta daya tahan tinggi.

09

Memperkuhkan budaya kerja berpasukan yang inklusif dan progresif bagi memastikan keseimbangan antara kecekapan pelaksanaan dan kesejahteraan warga kerja.

10

Mengoptimumkan sistem tadbir urus dan tatakelola kewangan yang berasaskan ketelusan dan integriti untuk meningkatkan akauntabiliti serta kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan.

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong.

The background features a white space with decorative elements. At the top and bottom, there are overlapping, semi-transparent red geometric shapes, primarily triangles and trapezoids, creating a layered effect. On the right side, a pattern of dots in various shades of red and pink extends from the top towards the bottom, with the dots increasing in size and density as they move downwards.

SOROTAN PERISTIWA

JANUARI 2025



FEBRUARI 2025



MAC 2025



APRIL 2025



MEI 2025



JUN 2025



JULAI 2025



OGOS 2025



SEPTEMBER 2025



OKTOBER 2025



NOVEMBER 2025



DISEMBER 2025



AKTIVITI JTK NEGERI



AKTIVITI JTK NEGERI



AKTIVITI JTK NEGERI





**PEJABAT
JTKSM**



PEJABAT JTKSM

- | | |
|------------------------|-------------------------|
| 1. JTK WP Putrajaya | 8. JTK Terengganu |
| 2. JTK WP Kuala Lumpur | 9. JTK Kelantan |
| 3. JTK Selangor | 10. JTK Melaka |
| 4. JTK Johor | 11. JTK Negeri Sembilan |
| 5. JTK Perak | 12. JTK Pulau Pinang |
| 6. JTK Pahang | 13. JTK Perlis |
| 7. JTK Kedah | 14. JTK WP Labuan |



QR LOKASI
PEJABAT JTKSM



WP PUTRAJAYA

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (Ibu Pejabat)

Aras 5, Setia Perkasa 3, Kompleks Setia Perkasa, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530, Putrajaya, Malaysia
603-8886 5192 / 5937
jtksm@mohr.gov.my



WP KUALA LUMPUR

Jabatan Tenaga Kerja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tingkat 17, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang
50532 WP Kuala Lumpur
03-41414600
jtknklumpur@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur

Tingkat 9, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang
50532 WP Kuala Lumpur
03-41414600
jtkdklumpur@mohr.gov.my



SELANGOR

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor

Suite A405-7 Tingkat, 3A West Wing, Wisma Consplant 2
No. 7 Jln SS 16/1, 47500 Subang Jaya, Selangor
03-56328800 / 03-56361605
jtknselangor@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Rawang

Lot 3, Jalan RP 4/1, Taman Rawang Perdana
48000 Rawang, Selangor
03-60929111
jtkdrawang@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Subang Jaya

Lot B210 & C208, Tingkat 2 East Wing, Wisma
Consplant 2, No. 7 Jalan SS16/1
47509 Subang Jaya, Selangor
03-56329111
jtkdsjaya@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Kuala Selangor

Tingkat 7, Kompleks PKNS, 45000 Kuala Selangor
Selangor
03-32896471
jtkdkselangor@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Pelabuhan Klang

Persiaran Raja Muda Musa, 42000 Pelabuhan
Kelang, Selangor
03-31656555 / 1413
jtkdklang@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Cyberjaya

Unit W001 CoPlace 12, Blok 3440, Jalan Teknokrat 3
63000 Cyberjaya, Selangor
03-83227340
jtkdcyberjaya@mohr.gov.my



JOHOR

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor

Tingkat 3, Blok A, Wisma Persekutuan
Wisma Jalan Ayer Molek, 80000 Johor Bahru, Johor
07-2275080 / 81 / 82
jtknjohor@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Johor Bahru

Tingkat 9 & 10, Menara Ansar, 65, Jalan Trus
80000 Johor Bahru, Johor
07-2229111
jtkdjbahru@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Kluang

Jalan Pejabat Kerajaan
86000 Kluang, Johor
07-7737111
jtkdkluang@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Segamat

No 856, Jalan Gudang Ubat
85000 Segamat, Johor
07-9317237 / 1414
jtkdsegamat@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Muar

Bangunan Kementerian Sumber Manusia
Jalan Othman, 84000 Muar, Johor
06-9519111
jtkdmuar@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Batu Pahat

Aras 1, Bangunan Gunasama Persekutuan
Jalan Bakau Condong, 83000 Batu Pahat, Johor
07-4342595 / 4332595
jtkdbpahat@mohr.gov.my



PERAK

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perak

No 2C1, 2C2, Aras G Blok C
Bangunan Persekutuan Greentown, 30450 Ipoh, Perak
05-2545271 / 2439793
jtknperak@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Taiping

Tingkat 3, Wisma Persekutuan Taiping
Jalan Istana Larut, 34009 Taiping, Perak
05-8072655
jtkdtaiping@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Tapah

Jalan Kelab, 35000 Tapah
Perak
05-4011509
jtkdtapah@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Ipoh

No. 2A3, 2A4, Tingkat 2 Blok A
Bangunan Persekutuan Greentown, 30430 Ipoh
Perak
05-2549404
jtkdipoh@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Teluk Intan

Tingkat 1, Blok B, Bangunan Persekutuan
Jalan Changkat Jong, 36000 Teluk Intan
Perak
05-6221199
jtkdintan@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Sitiawan

Tingkat 1, Bangunan Persekutuan Sri Manjung
Jalan Kayu Manis, 32040 Sitiawan, Perak
05-6888643
jtkdsitiawan@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Gerik

Tingkat Bawah Bangunan Persekutuan
Jalan Intan, 33300 Gerik, Perak
05-7912213
jtkdgrik@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Kuala Kangsar

No. 9 & 10, Persiaran Putra 1
Jalan Taiping, 33000 Kuala Kangsar, Perak
05-7763255
jtkdkkangsar@mohr.gov.my



PAHANG

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pahang

Tingkat 6, Bangunan Persekutuan
Jalan Gambut, 25532 Kuantan, Pahang
09-5162709
jtknpahang@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Kuantan

Tingkat 2, Bangunan Persekutuan
Jalan Gambut, 25532 Kuantan, Pahang
09-5163144 / 5146042
jtkdkuantan@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Bentong

Lot 10011 Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan
Daerah Bentong, Jalan Tras
28700 Bentong, Pahang
09-2221402
jtkdbentong@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Raub

Tingkat 2, Bangunan Gunasama Persekutuan
Jalan Tengku Abdul Samad, Bukit Koman
27600 Raub, Pahang
09-3551166/ 09-3559111
jtkdraub@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Temerloh

Tingkat 4, Bangunan Persekutuan
Jalan Merdeka, 28000 Temerloh, Pahang
09-2961207/ 09-2969111
jtkdtemerloh@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Pekan

No. 12, Tingkat Atas
Bangunan Arked Komersil
26600 Pekan, Pahang
09-4421319/ 4227573
jtkdpekan@mohr.gov.my



KEDAH

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah

Aras 5, Zon A, Wisma Persekutuan
Pusat Pent. Kerajaan Persekutuan
06550 Bandar Muadzam Shah, Anak Bukit, Kedah
04-7322655 / 7314420
jtknkedah@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Sungai Petani

Lot 11, Jalan Petani
08000 Sungai Petani, Kedah
04-4212510 / 4212213
jtkdsgpetani@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Alor Setar

Aras 5, Zon A, Wisma Persekutuan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
06550 Bandar Muadzam Shah, Anak Bukit, Kedah
04-7300700 / 7317239
jtkdasetar@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Kulim

Lot 3, Seksyen 39
Jalan Pondok Labu
09000 Kulim, Kedah
04-4906566 / 4909093
jtkdkulim@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Langkawi

Unit 32G & 33G, Langkawi Boulevard
Jalan Mahawangsa 1
07000 Langkawi, Kedah
04-9667173 / 9669173
jtkdlangkawi@mohr.gov.my



TERENGGANU

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Terengganu

Tingkat 6, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu, Terengganu
09-6203791 / 3793
jtkntrgnu@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Kuala Terengganu

Jalan Air Jernih
20300 Kuala Terengganu, Terengganu
09-6221488 / 9781
jtkdktrgnu@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Dungun

JKR 488, Jalan Pejabat
23000 Dungun, Terengganu
09-8481844 / 8453037
jtkddungun@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Kemaman

Tingkat 2, Bangunan Persekutuan
Jalan Melur, 24000 Kemaman, Terengganu
09-8591831 / 6343
jtkdkemaman@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Setiu

Lot 100, Jalan Besar
2200 Jerneh, Terengganu
09-6902175 / 09-6902177
jtkdsetiu@mohr.gov.my



KELANTAN

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kelantan

Tingkat 11, Bangunan Persekutuan
Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan
09-7482506
jtknkelantan@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Kota Bharu

Tingkat 11, Bangunan Persekutuan
Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan
09-7481870 / 7442413
jtkdkbharu@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Kuala Krai

Tingkat 3, Bangunan Kerajaan Persekutuan
18000 Kuala Krai, Kelantan
09-9666381 / 09-9669111
jtkdkualakrai@mohr.gov.my



MELAKA

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Melaka

Aras 4, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
MITC Ayer Keroh, 75450 Melaka
06-2345172 / 5175
jtknmelaka@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Melaka

Aras 4, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
MITC Ayer Keroh, 75450 Melaka
06-2345172 / 175
jtkdmelaka@mohr.gov.my



NEGERI SEMBILAN

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sembilan

Tingkat 3, Wisma Persekutuan, Jalan Dato' Abdul Kadir
70000 Seremban, Negeri Sembilan
06-7638997
jtknsembilan@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Kuala Pilah

564, Tingkat 2, Wisma Kuala Pilah
Jalan Papatih, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan
06-4819111
jtkdkpilah@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Seremban

Tingkat 3, Wisma Persekutuan
Jalan Dato' Abdul Kadir, 70000 Seremban
Negeri Sembilan
06-7645019 / 7616517
jtkdseremban@mohr.gov.my



PULAU PINANG

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang

Tingkat 1, Bangunan Tuanku
Syed Putra, 10300 Pulau Pinang
04-2632087/04-2613324
jtknppinang@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Butterworth

Aras 2, Anjung B
Wisma Persekutuan Seberang Perai Utama
Jalan Bertam, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang
04-5751964
jtkdbworth@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Georgetown

Tingkat 2, Bangunan Tuanku Syed Putra
Lebuh Downing, 10300 Pulau Pinang
04-2625536/04-2625537
jtkdgtown@mohr.gov.my



PERLIS

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perlis

Tingkat 3, Bangunan Tun Abd Razak
01000 Kangar, Perlis
04-9761415
jtknperlis@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Kangar

Tingkat 1, Bangunan Tun Abdul Razak
01000 Kangar, Perlis
04-9771928
jtkdkangar@mohr.gov.my



WP LABUAN

Jabatan Tenaga Kerja Wilayah Persekutuan Labuan

Tingkat 6, Blok 4, Kompleks Ujana Kewangan
Jalan Merdeka, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan
087-412753
jtkdlabuan@mohr.gov.my

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong.



**SIDANG
REDAKSI**

AHLI SIDANG REDAKSI



KETUA EDITOR

1. ENCIK MOHD AZMI BIN MUHAMMUD
Pengarah

PENOLONG KETUA EDITOR

2. PUAN NAZATULSIMA BINTI CHE HASSAN
Timbalan Pengarah

PENGARANG & PEREKA GRAFIK

3. PUAN NURUL ISMI BINTI CHE HAMID
Penolong Pengarah Kanan
4. CIK MUNIRA BALKIS BINTI MOHD BAKRI
Penolong Pengarah Kanan
5. CIK NORA AZMANI BINTI MAHASAN
Penolong Pengarah Kanan
6. YBRS. DR. NORSHAMSHIDA BINTI RAZAK
Penolong Pengarah Kanan
7. PUAN NURUL ANYZA BINTI MOHAMAD FAUZI
Penolong Pengarah Kanan

8. PUAN NURUL ASYIKIN BINTI MOHD ARSHAD
Penolong Pengarah Kanan

9. PUAN NOR HAFIZA BINTI MAHMOD
Penolong Pengarah Kanan

10. ENCIK MOHAMAD NOR ARIF BIN GHAZALI
Penolong Pengarah Kanan

11. PUAN FARHAN NASHRAH BINTI FUDZIL
Penolong Pengarah Kanan

12. PUAN NOOR HANA BINTI SALEHAN
Penolong Pengarah Kanan

13. ENCIK MOHD SHA AFFANDI BIN MD ARIPIN
Pegawai Perhubungan Awam

14. PUAN SITI HAJAR BINTI MOHAMAD
Perangkawan

15. PUAN NUR SHAFIQAH BINTI MUSA
Penolong Pengarah

16. PUAN NURUL 'IZZA BINTI DULKEFLI
Penolong Pengarah

17. ENCIK NARKUMARAN A/L SELVARAJA
Penolong Pengarah

18. ENCIK MOHD HILMI BIN MOHD ROSELI
Penolong Pengarah

19. PUAN IRZAWINA BINTI TAHIR
Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan
Kanan

20. YBGH. DATIN NORZIANAH BINTI HASSAN
Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan

21. ENCIK JUNAIDI BIN ABU HASSAN
Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan

22. PUAN NURUL AY-YUSRINA BINTI
FAKHRURRAZI
Pembantu Tadbir

23. ENCIK NOR AIMAN LUTFI BIN NOR AZIZI
Pereka



Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

**Aras 3 & 5, Setia Perkasa 3, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530, Putrajaya, Malaysia**

Telefon : 03-8000 8000

Pegawai Khidmat Pelanggan : 03-88865192

E-mel : jtksm@mohr.gov.my

Portal: jtksm.gov.my

